

Sosialis



SELAMATKAN MALAYSIA ATAU UMNO?

baca lanjut di m/s 8 & 9



**RM 720
mana cukup?**

> m/s 4



**Kampung Permatang Tok Subuh
perjuangkan hak perumahan**

> m/s 12



**Kampung Sri Tanjung
masalah tanah 27 tahun**

> m/s 5

**Pekerja tempatan
tak minat kerja 3D?**

> m/s 13

**Kerajaan lebih
sayang siapa?
B40 atau kontraktor?**

> m/s 10

Kursus Marxisme dibatalakan polis

baca lanjut di m/s 6

DASAR PERJUANGAN PARTI SOSIALIS MALAYSIA

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah satu parti politik rakyat Malaysia yang berasaskan prinsip dan ideologi sosialisme yang bersifat Perjuangan Rakyat berteraskan keadilan sosial dan ekonomi; bagi mewujudkan masyarakat demokratik yang aman, makmur, maju, berakhlak mulia dan saksama. Ia berjuang untuk memenuhi keperluan asas rakyat dan membebaskan rakyat daripada sebarang bentuk penindasan dan pemaksaan.

Bendera dan Lambang

Lambang parti ialah genggam tangan kiri yang melambangkan perpaduan rakyat dan semangat perjuangan. Merah melambangkan perjuangan dan putih melambangkan kesucian dan keikhlasan dalam perjuangan.

Matlamat Parti Sosialis

- ★ Mengamalkan prinsip sosialisme sebagai cara hidup.
- ★ Mempertahankan masyarakat demokratik dan progresif yang mengutamakan kerohanian, kemanusiaan dan keadilan sebagai asas ke arah pembangunan.
- ★ Memastikan strategi pembangunan yang mewujudkan hubungan seimbang antara keperluan sosial dan ekonomi di peringkat individu, masyarakat dan nasional.
- ★ Mengagihkan kekayaan secara adil dan saksama, Melaksanakan sistem sosioekonomi yang mempunyai mekanisme dalaman untuk menghalang penindasan dan sifat tamak.
- ★ Memberi peluang kepada rakyat berbilang kaum, jantina, agama, usia, pekerjaan dan menyertai proses mewujudkan persefahaman yang lebih jitu di kalangan kaum, agama dan budaya.
- ★ Mengukuhkan hak asasi manusia pada setiap peringkat masyarakat dan mendedahkan sebarang bentuk penindasan, nepotisme, hipokrisi dan kepalsuan.
- ★ Menghormati Perlembagaan Persekutuan yang menekankan kepada hak demokratik dan toleransi bahasa, budaya dan agama.
- ★ Menjamin kebebasan bersuara, berpersatuan dan kecapaian intelektual memberi keutamaan dalam tanggungjawab sosial terhadap kebajikan pekerja dan keluarga menjamin hak pekerja untuk menubuhkan kesatuan pekerja memberi keutamaan institusi kekeluargaan khususnya kepada wanita yang mengandung, bayi, kanak-kanak, wargatua dan mereka kurang keupayaan.
- ★ Memastikan tidak berlaku penindasan dan diskriminasi di semua peringkat bagi sektor perindustrian dan pertanian.
- ★ Mewujudkan rasa saling menghormati, memahami dan tolak ansur di kalangan semua agama dan budaya.
- ★ Menyediakan peluang pendidikan percuma di semua peringkat dengan

mewajibkan pendidikan di peringkat rendah dan menengah.

Memastikan penyertaan guru dan pelajar dalam proses menentukan haluan sistem pendidikan nasional.

Melindungi alam sekitar daripada pencemaran dan pembinasaan.

Mengurangkan birokrasi dan menghapuskan karenah birokrasi yang mengekang pembangunan.

Mengapa Kita Perlu Satu Parti Sosialis?

Sistem yang ada kini telah gagal membawa kesejahteraan kepada rakyat yang majoriti.

Sistem kapitalis ini hanya mengutamakan segelintir kecil masyarakat.

Untuk menumbangkan sistem kapitalis ini perlu ada sistem Sosialis yang lebih mementingkan aspek kemanusiaan, keadilan dan pengagihan kekayaan.

Parti Sosialis ini adalah untuk membela nasib majoriti rakyat iaitu para pekerja kilang, petani, nelayan, pekerja ladang, peniaga kecil, orang Asli, pelajar, pekerja semi-profesional dan sebagainya.

Masalah rakyat bukan di antara orang Melayu, Cina dan India atau di antara orang Islam dan bukan Islam. Tetapi orang kaya dan miskin. Kekayaan negara dimiliki dan dibolot oleh segelintir kecil masyarakat, anak dan kroni mereka. Manakala rakyat yang majoriti masih belum menerima bahagian.

Parti Sosialis lebih mementingkan isu-isu asas rakyat seperti pekerjaan, rumah, tanah, alam sekitar dan sebagainya. Parti Sosialis akan menyatukan tenaga semua golongan pekerja untuk mempertahankan hak kita.

Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang lahir dari perjuangan rakyat akarumbi di kilang, ladang dan kawasan miskin kota. Parti ditubuhkan sebagai alat untuk kaum pekerja dan golongan berpendapatan rendah dan menengah untuk hak mereka. PSM meneruskan perjuangan menentang rasuah, penyelewengan dan perkauman golongan yang memerintah. Selagi penindasan rakyat ada, perjuangan ini akan berterusan.

Parti Sosialis Malaysia

22A, Jalan Vivekananda, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.
Tel: 03-26314866
Fax: 03-26314867
Email: pusat@partisosialis.org
Laman web: <http://partisosialis.org/>

Untuk sumbangan, sila buat cek atas nama: Parti Sosialis Malaysia
No. Akaun Maybank: 512080337313



PSM adalah anggota kepada **Gabungan Kiri**, satu usahasama antara kumpulan dan individu dalam membina gerakan kiri sebagai alternatif untuk masyarakat Malaysia.

<https://gabungkiri.wordpress.com/>



DARI MEJA PENGARANG

Perpecahan dan pertelingkahan antara Mahathir dan Najib telah memuncak, dengan Mahathir sekali lagi keluar dari UMNO dan mengambil langkah drastik untuk membawa agenda politiknya. Kali ini Mahathir telah bekerjasama dengan pemimpin-pemimpin daripada parti pembangkang dan masyarakat sivil yang bermusuhan dengannya sebelum ini. Memang kita dapat saksikan bahawa puak Mahathir amat terdesak untuk mempertahankan kepentingan mereka dan memastikan survival politik mereka. Najib yang telah dikelilingi dengan pelbagai skandal pula semakin hari semakin tercabar kedudukannya sebagai Perdana Menteri, namun dia masih dapat lagi bertahan kerana adanya sistem politik yang menumpukan kuasa dalam tangan PM seperti yang diwujudkan sejak zaman Mahathir.

Yang menjadi kontroversi dan perbahasan hebat adalah penglibatan pemimpin Pakatan Harapan dan kumpulan masyarakat sivil seperti BERSIH 2.0 dalam usaha terbaru Mahathir dalam menjatuhkan Najib ini. Walaupun matlamat untuk semua pihak yang menyokong "Deklarasi Rakyat" yang diterajui oleh Mahathir itu adalah menjatuhkan Najib, namun mereka yang menandatangani deklarasi tersebut untuk "Gabungan Raya Selamatkan Malaysia" itu sebenarnya mempunyai motif yang berbeza. Berbaloikah untuk mereka yang memperjuangkan reformasi dan melawan untuk kejatuhan rejim UMNO-BN itu bekerjasama dengan bekas pemimpin UMNO yang menjadikan UMNO seperti hari ini? Adakah Gabungan Raya yang dibentuk atas inisiatif Mahathir itu akan menyelamatkan Malaysia ataupun hanya sekadar menyelamatkan rejim

UMNO-BN daripada kehancuran akibat kerakusan Najib?

Gerakan perjuangan rakyat menuntut demokrasi sejati dan keadilan sosial merupakan satu proses yang berterusan. Proses ini perlunya melibatkan rakyat dari bawah dan kesedaran rakyat semakin berkembang hasil daripadanya. Menggantikan seorang dua pemimpin di atasan tidak akan mengubah sistem itu sendiri, tetapi ada kemungkinan membuka ruang untuk perjuangan rakyat itu mara ke hadapan. Namun, sekiranya tiada kesedaran dan kuasa rakyat yang mantap, apa jua pergolakan politik di lapisan atasan masyarakat tidak mungkin akan membawa perubahan yang bermakna kepada rakyat biasa. Oleh itu, setiap langkah perjuangan perlunya penglibatan rakyat. Isu yang dipertikaikan oleh ramai orang dalam bab kerjasama dengan Mahathir adalah keputusan dan tindakan yang terlalu terburu-buru oleh segelintir pemimpin. Mungkin langkah yang diambil itu sesuatu yang berkesan dalam perjuangan rakyat, tetapi kita tidak boleh membelakangkan perdebatan dan pandangan daripada rakyat akar umbi yang merupakan input penting untuk kita mengatur perjuangan.

Apa jua pun berlaku, negara kita tidak mungkin akan maju ke hadapan tanpa gerakan rakyat yang sedar dan bersedia untuk melakukan perubahan. Untuk gerakan rakyat sedemikian terus berkembang dan mencapai perubahan sebenar, kita perlu lagi banyak usaha dalam pendidikan politik dari bawah melalui perjuangan yang nyata. ##

Langganlah Akhbar

Sosialis Sekarang!

Jika anda mahu **AKHBAR SOSIALIS** dipos terus kepada anda, maka anda boleh berlanggan terus dengan kami.

Harga solidariti (termasuk harga setem) RM25 setahun (12 keluaran akhbar SOSIALIS Bahasa Melayu)

Nama: _____

Alamat: _____

Telefon: _____

Faks: _____

Cek / Wang Pos / Draf Bank atas nama **PARTI SOSIALIS MALAYSIA**

Hantar kepada **Parti Sosialis Malaysia**
22A, Jalan Vivekananda, Brickfields
50470 Kuala Lumpur
Tel: 603-22747791
Fax: 603-87374772
Website- <http://partisosialis.org/>

Pusat Khidmat PSM Menglembu dilancarkan



PSM Cawangan Menglembu telah mengadakan satu majlis perasmian untuk Pusat Khidmat Rakyat Cawangan tersebut pada 6 Mac yang lalu.

PSM Cawangan Menglembu ditubuhkan baru-baru ini oleh para penyokong PSM di kawasan tersebut yang kebanyakannya terdiri daripada para petani dan penternak yang sedang memperjuangkan hak

tanah. PSM telah bersama-sama dengan para petani dalam perjuangan untuk hak tanah pertanian dan jaminan makanan selama ini, sehingga ramai yang memberi sokongan penuh kepada PSM.

Dengan penubuhan satu lagi cawangan baru, PSM terus berkembang di negeri Perak.

1000 hari dalam khemah

Pada 15 Mac yang lalu, menandakan 1000 hari penduduk rumah pangsa Taman Permata di Dengkil, Selangor, tinggal di dalam khemah!

Para penduduk rumah pangsa Taman Permata Dengkil terpaksa berpindah keluar dari unit kediaman dan menghuni di bawah khemah kerana keretakan serius pada struktur bangunan rumah pangsa.

Arutchelvan, AJK Pusat PSM yang merangkap penasihat kepada Jawatankuasa Flat Taman Permata, telah mengumumkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan 40 ekar tanah untuk pembinaan rumah teres bagi penduduk rumah pangsa Taman Permata yang terjejas dengan isu keretakan bangunan. Menurut perjanjian antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan

Persekutuan, pihak Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab untuk membina rumah perlu memulakan kerja-kerja pembinaan rumah selewat-lewatnya 14 Julai 2016.

Para penduduk rumah pangsa Taman Permata Dengkil berharap pihak kerajaan akan menunaikan janji dan menyelesaikan masalah perumahan yang menghantui mereka untuk bertahun-tahun lamanya.



Pimpinan PSM telah dipanggil oleh pihak polis untuk siasatan mengenai Kursus Kilat Marxisme yang dijadualkan pada 20 Mac. 6 orang termasuk Dr. Nasir Hashim (Pengerusi PSM), Sivarajan (Setiausaha Agung PSM) dan

Arutchelvan (AJK Pusat PSM) telah diambil keterangan oleh polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya pada 14 Mac. PSM telah mengecam tindakan polis yang cuba menyekat program perbincangan bersifat ilmiah ini.

Selamatkan Hutan Simpanan Selangor

Pemuda Sosialis menjalankan Kempen Selamatkan Hutan Simpanan Selangor dan Bantah Lebuhraya EKVE bersama PSM. Projek Leburaya EKVE bakal memusnahkan Taman Rimba Ampang dan beberapa hutan simpanan Selangor. Hutan ini merupakan kawasan tadahan air hujan yang membekalkan 19 juta liter air bersih setiap hari kepada 9,225 pengguna.



Kempen online Selamatkan Hutan Selangor



Edaran risalah kempen di Masjid Bandar Baru Ampang

Kajian kos hidup pelajar



Gerakan Menuntut Pendidikan Percuma (GMPP) telah mula menjalankan satu kaji selidik untuk mengetahui keadaan (sara hidup) PELAJAR MALAYSIA hari ini (data ini akan berguna untuk GMPP merancang tindakan dan aktiviti susulan). Kajian dimulakan pada 7 Mac dan berjalan sehingga 10 April.

TELE-COUNSELLING & CAREER COACHING

Untuk Pelajar lepasan SPM & STPM

14 & 15 Mac, 5pm - 9pm (Mon & Tuesday)

HUBUNGI

010 3954 614 / 03 2631 4866

facebook

Pemuda Sosialis

aduanpelajar.pemudasosialis@gmail.com

MEJA ADUAN PELAJAR

Pemuda Sosialis

Pemuda Sosialis telah menjalankan Kaunseling dan Bimbingan Kerjaya dalam talian (tele-counselling) untuk pelajar lepasan SPM dan STPM.

Solidariti untuk Kampung Permatang Tok Subuh



Pada 4 Mac yang lalu, Skuad Merah Pemuda Sosialis telah melawat ke Kampung Permatang Tok Subuh, Pulau Pinang untuk bersolidariti bersama penduduk kampung di situ yang sedang diancam pengusiran paksa.

RM 720 mana cukup?

Perlu kaji semula garis kemiskinan

Dalam satu sidang akhbar yang dianjurkan oleh Jaringan Ibu-ibu Tunggal pada 8 Mac 2016 bersempena dengan Hari Wanita Sedunia, aktivis-aktivis yang prihatin pada permasalahan ibu tunggal telah menyeru pada kerajaan untuk mengkaji semula cara pengiraan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Sebanyak 22 organisasi telah menyokong kenyataan akhbar yang dikeluarkan tersebut, termasuklah Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT), Parti Sosialis Malaysia (PSM), Saya Anak Bangsa Malaysia (SABM), All Women's Action Society (AWAM), Tenaganita, Bahagian Wanita Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur & Selangor, Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), Projek Dialog dan sebagainya. Kenyataan tersebut telah mengutarakan kebimbangan organisasi masyarakat terhadap pelbagai kekurangan dalam program Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) untuk menangani masalah warga ibu tunggal miskin di negara kita.

Selepas perjumpaan dengan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chew Mei Fun, pada 14 Julai 2015, Jaringan Ibu-ibu Tunggal telah menerima maklumbalas kepada isu-isu yang dibangkitkan melalui surat bertarikh 3 Februari 2016 daripada Jabatan Pembangunan Wanita



KPWKM. Namun, terdapatnya banyak kekurangan dalam respon KPWKM, antaranya adalah isu pengiraan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Jaringan Ibu-ibu Tunggal kecewa dengan justifikasi KPWKM yang masih memegang kepada PGK RM720 sebulan, memandangkan jumlah ini tidak lagi relevan mengikut keadaan sebenar masyarakat kita hari ini.

Mengikut anggran Jaringan Ibu-ibu Tunggal, sebuah keluarga dengan 5 orang anggota yang diketuai oleh seorang ibu tunggal, dengan 4 orang anak (2 bersekolah rendah, seorang di tadika dan seorang di rumah asuhan kanak-kanak) memerlukan wang sebanyak RM 1725 sebulan untuk mendapatkan keperluan asas untuk sekeluarga.

Penggiraannya seperti dalam jadual 1.

Oleh itu, PGK RM720 adalah tidak relevan lagi dan perlu diselaraskan setimpal dengan kos hidup. Jaringan Ibu-ibu Tunggal telah mencadangkan PGK diselaraskan kepada RM1,500 (per keluarga), sejajar dengan kos hidup kini.

Selain itu, isu-isu lain yang dikemukakan adalah:

- KPWKM perlu membuat publisiti yang meluas mengenai perkhidmatan kaunselor supaya ibu tunggal boleh dapat tahu di mana untuk mendapatkan khidmat nasihat apabila menghadapi masalah. Oleh kerana kekurangan pegawai kaunseling dan maklumat tentang perkhidmatan ini, ramai ibu tunggal, wanita mangsa keganasan rumah tangga dan pelbagai mangsa masalah sosial terbiar tanpa panduan.
- KPWKM patut membeli dan memperuntukkan beberapa unit rumah kos rendah untuk dijadikan rumah asuhan kanak-kanak yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Pada masa kini, isu ini ditangani melalui penyediaan Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK). KPWKM memaklumkan bahawa hanya terdapat 149 PAKK di seluruh negara. Jumlah ini tidak mencukupi. Maka adalah dicadangkan supaya setiap kawasan perumahan rumah kos rendah mempunyai unit PAKK.
- KPWKM harus memberikan kepastian bahawa suatu mekanisme diwujudkan bersama dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk menyediakan pas pengangkutan percuma kepada para pelajar dan juga warga ibu tunggal.
- Golongan ibu tunggal miskin kota harus diberikan sokongan dan keutamaan untuk membeli rumah kos rendah pada harga istimewa dan bukannya dilepaskan tangan kepada harga pasaran terbuka. Sebilangan unit dalam setiap projek rumah kos rendah juga boleh diperuntukkan

sebagai skim sewa beli kepada ibu tunggal dengan bayaran ansuran mudah.

Jaringan Ibu-ibu Tunggal juga mengungkitkan persoalan tentang apa akan terjadi dengan keluarga apabila ahli keluarga tunggal yang bekerja menyara keluarga itu telah ditahan, dijatuhkan hukuman penjara ataupun terpaksa berada di Pusat

Pemulihan Dadah. Keluarga tersebut secara tidak langsung juga menjadi mangsa hukuman tersebut, tanpa sumber mata pencarian. Setakat manakah golongan ini dipelihara melalui program-program JKM, program 1Azam dan sebagainya? Adakah golongan ibu dan keluarga ini diberikan perhatian khusus?

Pada takat ini, hanya 61,600 orang ibu tunggal diberi bantuan dengan jumlah RM 151juta. Merujuk kepada statistik (daripada jawapan di Parlimen), terdapat seramai 830,000 orang ibu tunggal di seluruh negara. Adakah ini bermakna yang lain tidak mempunyai masalah menyara hidup?

Jika diandaikan 40% daripada ibu tunggal tersebut berada dalam golongan miskin atau berpendapatan rendah, wujudnya seramai 332,000 ibu tunggal berada dalam kumpulan pendapatan rendah dan patut terima bantuan JKM. Jelas di sini bahawa, bantuan JKM kepada ibu tunggal tidak sampai kepada keseluruhan kumpulan sasarannya dan masih terdapat 80% ibu tunggal yang layak tidak menerima apa-apa bantuan!

Jaringan Ibu-ibu Tunggal juga ingin tahu siapa yang menjadi kumpulan sasaran dalam Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal yang telah dilancarkan pada bulan Oktober 2015.

Jaringan Ibu-ibu Tunggal menyeru kepada pihak KPWKM untuk menilai semula perancangan bantuan yang sedia ada dan mengorak langkah-langkah baru untuk menangani masalah ibu tunggal secara serius.

Ada ramai lagi kaum ibu tunggal yang menghadapi kesukaran hidup tanpa apa-apa bantuan daripada Kerajaan. Tindakan segera perlu untuk menyelesaikan beban mereka.

Jaringan Ibu-ibu Tunggal merupakan satu inisiatif Parti Sosialis Malaysia (PSM). ##

Jadual 1			
No	Item	Kuantiti	RM
1	Beras (RM26.50/10kg beg) x 2 beg sebulan	20 kg	53.00
2	Susu tepung	1.8 kg	41.00
3	Tepung gandum 2 kg (unt membuat kuih, apom, mee 'fang kui' dll)	2kg	8.00
4	Kacang dhal (atau santan/tau hu/ barangan lain mengikut kumpulan etnik)		20.00
5	Minyak masak		15.00
6	Bawang merah 3 kg /putih 1kg /halia ½ kg		18.00
7	Ikan bilis ½ kg		10.00
8	Mee hoon (4 bungkus)		15.00
9	Ikan (selongkok, jenis ikan kecil) X RM8.00 X4		32.00
10	Ayam (1/2kg sekali seminggu RM5.00 X4)		20.00
11	Telur (untuk kari telur sekali seminggu X4)	30 biji	10.00
12	Ikan sardine (RM5.00 X 2 kali sebulan)		10.00
13	Sayur (satu kali sehari X R3.00 X 30)		90.00
14	Buah-buahan (1 kali seminggu X RM5.00 X 4		20.00
15	Roti		13.00
	Jumlah kecil		RM 375.00
1	Sewa rumah (rumah PPR, Selangor)		250.00
2	Pengangkutan bas sekolah (RM60 X3)		180.00
3	Wang saku (RM 2 seorang X 2 orang X 5 hari X 2.5 minggu mengambil kira cuti sekolah)		50.00
4	Perbelanjaan alat-alat, bahan penulisan, fotostat		20.00
5	Tusyen RM 80 X 2 orang		160.00
6	Yuran tadika RM 70 X 1 orang		70.00
7	Penjagaan kanak-kanak (5 tahun)		250.00
8	Bil api, air, talipon, gas,		150.00
9	Ansuran motor & petrol		120.00
10	Perubatan & bayaran klinik		100.00
	Jumlah kecil		RM 1350.00
	JUMLAH BESAR		RM 1725

Masalah tanah 27 tahun belum selesai

Peneroka Kampung Sri Tanjung desak Azmin Ali campurtangan



Peneroka Kampung Sri Tanjung, telah menghantar satu memorandum kepada Kerajaan Negeri Selangor pada 16 Mac yang lalu, dengan tuntutan mendesak Kerajaan Negeri Selangor supaya menyelesaikan isu tanah dihadapi mereka yang sudah berlarutan selama 27 tahun.

Kampung Sri Tanjung terletak di Dengkil, Selangor. Kampung ini merupakan salah satu kampung yang telah terlibat dalam Projek Tanaman Kontan yang dianjurkan oleh Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) pada tahun 1988. Projek ini mendapat sokongan padu daripada Kerajaan Negeri Selangor pada masa itu. Projek tanaman kontan oleh Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia tersebut telah dipersetujui oleh Menteri Besar Selangor pada masa itu, iaitu Muhammad bin Haji Mohd Taib.

Pada 7 April 1988, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor masa itu, Hj Kaharudin yang memegang portfolio Pembangunan Luar Bandar, Kebudayaan, Belia dan Sukan, telah memohon kepada Menteri Besar untuk menjalankan Projek Tanaman Kontan oleh ahli-ahli MAYC. Permohonan ini telah diterima oleh Menteri Besar dan pada 10 April 1988, Pengerusi MAYC masa itu, Ahwi bin Jamil, telah memberikan tanah seluas satu ekar kepada setiap orang untuk bertani. Pada penghujung tahun 1988, Hj Kaharuddin telah merasmikan pembukaan

tanah Projek Tanaman Kontan (kini dikenali sebagai Kampung Sri Tanjung).

Perjuangan menuntut hakmilik tanah bagi peneroka Kampung Sri Tanjung masih berterusan selepas hampir 27 tahun sehingga sekarang. Para peneroka tanah seramai 68 keluarga telah dijanjikan tanah sejak 10 April 1988. Mereka telah membersihkan tanah tersebut dan mengusahakannya sejak hujung tahun 1988.

Pada awal tahun 2008, seramai 48 dari 68 peneroka tanah memfail kes di Mahkamah Tinggi Shah Alam, tetapi kes tersebut ditolak kerana tanah tersebut adalah tanah rizab Melayu. Namun, setelah Kerajaan Pakatan Rakyat mengambilalih kuasa di Selangor, pihak peneroka telah memberhentikan tindakan undang-undang dan mengadakan rundingan dengan Kerajaan Negeri melalui pimpinan kerajaan negeri

seperti Ronnie Liew, Dr. Xavier Jayakumar dan kemudiannya Ganabathirau Veraman.

Setelah satu perjuangan yang agak lama, pihak Pejabat Tanah Sepang berjanji untuk menggantikan tanah peneroka Sri Tanjung dengan tanah lain di kawasan bersebelahan memandangkan tanah yang diusahakan mereka ini telah menjadi Tanah Rizab Melayu tanpa pengetahuan peneroka. Para peneroka memahami situasi dan bersedia mengambil tanah ganti walaupun saiznya memang sudah berkurangan daripada asalnya.

Pada 19 Julai 2013, satu mesyuarat telah diadakan di Pejabat Majlis Daerah Sepang bersama Khairul Azam Saroni (Penolong Pegawai Daerah Sepang). Dalam mesyuarat tersebut, telah mempersetujui bahawa 68 lot tanah akan diberikan kepada peneroka di lokasi tanah yang dikenalpasti di Ladang Ampar

Tenang. Namun demikian, pada 9 September 2014, Pejabat Tanah memberitahu para peneroka bahawa Pejabat Tanah Sepang tidak dapat memproses permohonan pemberimilikan tanah bagi peneroka Kampung Sri Tanjung kerana kertas ringkasan bagi cadangan pembatalan dan penggantian Tanah Rizab Melayu masih belum diangkat bagi pertimbangan pihak berkuasa negeri.

Pada 18 September 2015, peneroka Kampung Sri Tanjung telah berjumpa dengan Penolong Pegawai Daerah Sepang Tuan, Anas bin Shafie. Beliau memberitahu para peneroka bahawa proses pengambilan tanah ini sudah selesai dan tanah sebanyak 12 ekar ini tidak lagi menjadi Tanah Rizab Melayu dan tanah tersebut telah di-KIV. Pada masa yang sama, beliau juga menasihati para peneroka untuk membuat permohonan segera dengan Pejabat Menteri Besar kerana khuatir tanah yang sepatutnya diberikan kepada peneroka asal ini mungkin diberi kepada peneroka lain.

Sudah 27 tahun peneroka Kampung Sri Tanjung menunggu untuk mendapat hakmilik tanah. Selama tempoh ini, para peneroka telah mengambil segala inisiatif untuk berjumpa semua pihak, termasuklah Pegawai Tanah, Pegawai Daerah, wakil rakyat, Exco Kerajaan Negeri dan banyak pihak lagi. Namun, masalah yang dihadapi oleh para peneroka masih belum selesai.

Tuntutan yang dikemukakan oleh 68 peneroka Kampung Sri Tanjung kepada Azmin Ali, Menteri Besar Selangor, adalah seperti berikut:

1. Laksanakan janji-janji sebelum ini di mana setiap peneroka diberi satu tapak lot tanah untuk perumahan.
2. Hentikan sebarang pencerobohan dalam kawasan tanah Kampung Sri Tanjung.
3. Penolong Pegawai Daerah Sepang memaklumkan tanah gantian untuk peneroka tanah Kampung Sri Tanjung sebanyak 12 ekar sudahpun sedia, tetapi statusnya telah di-KIV. Peneroka Kampung Sri Tanjung risau tanah ini akan digunakan untuk pembangunan projek lain. Peneroka Kampung Sri Tanjung mahu tanah ini dikembalikan untuk peneroka Kampung Sri Tanjung, Dengkil. ##



Rakyat dilarang berfikir?

Kursus Kilat Marxisme yang dianjurkan PSM telah mendapat “perhatian khas” daripada pihak polis apabila Khalid Abu Bakar, Ketua Polis Negara (KPN), mengatakan program tersebut adalah “usaha untuk menghidupkan fahaman komunis” dan tidak membenarkannya untuk berjalan.

KPN telah membuat kenyataan tersebut dalam akaun twitternya @kbab51 pada 28 Februari dan berkata akan memanggil pihak penganjur berkenaan dengan program tersebut. Setelah Kursus Kilat Marxisme mendapat publisiti yang meluas berikutan dengan kenyataan KPN dalam twitter, jumlah peserta yang mendaftar untuk kursus tersebut telah melonjak naik. KPN kemudiannya pada 2 Mac yang lalu memuatnaik satu lagi status twitter yang berbunyi “bukan sahaja penganjur, peserta yang hadir kursus menyalahi undang-undang ini, akan turut diambil tindakan oleh PDRM”.

Polis telah memanggil pimpinan PSM untuk mengambil keterangan pada 14 Mac yang lalu di Ibu pejabat Polis Daerah Petaling Jaya, termasuklah Dr. Nasir Hashim (Pengerusi PSM), Sivarajan Arumugam (Setiausaha Agung PSM) dan Arutchelvan (AJK Pusat PSM yang merupakan penyelarasan untuk Kursus Kilat Marxisme).

Dalam surat balas kepada pihak polis, Dr. Nasir telah menegaskan bahawa Kursus Kilat Marxisme anjuran PSM adalah satu kursus berbentuk ilmiah untuk membincangkan teori sosio-ekonomi. Program tersebut langsung tiada niat atau tidak ada apa-apa

kaitan dengan usaha menghidupkan fahaman komunisme di negara kita.

Pada 18 Mac, pihak polis telah memberitahu PSM bahawa polis tidak membenarkan Kursus Kilat Marxisme yang dijadualkan pada 20 Mac itu dijalankan atas sebab keselamatan awam. Pihak polis mengatakan bahawa adanya sebanyak 107 aduan polis telah dibuat dan sekatan jalanraya akan dibuat di lokasi program. Dengan mempertimbangkan keselamatan 78 orang peserta yang telah mendaftar untuk kursus tersebut, PSM telah memutuskan untuk membatalkan Kursus Kilat Marxisme itu untuk sementara waktu. PSM bercadang untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap tindakan pihak polis yang menyekat ruang demokrasi ini.

Ini bukan kali pertama PSM dituduh dengan label yang sama, iaitu cuba menghidupkan fahaman komunis dan sebagainya. Malah pada tahun 2011, semasa menjelang himpunan BERSIH 2.0, 6 orang ahli PSM telah ditahan selama sebulan dengan tuduhan yang sama di bawah Ordinan Darurat. Mereka semuanya dibebaskan tanpa didakwa. PSM kemudiannya telah menyaman polis kerana menuduh PSM cuba menghidupkan Parti Komunis Malaya dan fahaman komunis. Akhirnya pihak kerajaan telah membayar ganti rugi sebanyak RM 200,000 kepada PSM dan mengakui kesilapan dalam satu keputusan persetujuan bersama di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur.

Marxisme merupakan satu bidang ilmu yang meluas dalam

membincangkan sistem ekonomi politik dan sosial. Ia merangkumi falsafah, sains kemasyarakatan, ekonomi, teori politik, kajian budaya, geografi dan sebagainya. Kursus Marxisme diajar di hampir semua Universiti utama di dunia. Buku tentang Marxisme memang boleh didapati di perpustakaan di serata tempat.

Adalah tidak masuk akal untuk pihak polis melarang dan menghalang satu program bersifat ilmiah diadakan. Tindakan sebegini telah menyekat aktiviti intelektual di negara ini sehingga boleh membantutkan perkembangan minda masyarakat kita dalam memahami pergolakan dunia secara menyeluruh.


PSM merupakan sebuah parti yang berdaftar, maka tetap akan bergerak mengikut undang-undang yang adil di negara kita. PSM juga sejak penubuhannya berpegang teguh pada pendirian politik Sosialisme Demokratik. PSM sentiasa berjuang untuk mempertahankan demokrasi dan keadilan sosial di negara kita daripada dihakis oleh golongan kapitalis yang tamakkan keuntungan. PSM percaya bahawa perubahan hanya dapat berlaku melalui penglibatan rakyat secara sedar dalam proses demokrasi. Kesedaran rakyat hanya dapat dibina dengan wujudnya rakyat yang didedahkan dengan pelbagai idea-idea kemasyarakatan secara terbuka supaya interaksi intelektual dapat berlaku di peringkat akar umbi.

Tindakan yang melarang parti politik untuk menganjurkan program perbincangan intelektual telah



Khalid Abu Bakar @KBAB51 · 2h

Usha menghidupkan fahaman Komunis. @PDRMsia tidak akan membenarkan Kursus ini di jalankan. Penganjur akan di panggil



menjejaskan ruang demokrasi di negara kita.

Tindakan pihak berkuasa dalam menyekat aktiviti PSM terbaru ini berkemungkinan merupakan satu usaha untuk memesongkan rakyat daripada isu-isu pokok yang melanda negara kita, terutamanya perpecahan dalam UMNO dan keadaan ekonomi negara yang teruk. Ini juga menunjukkan bahawa adanya di kalangan pimpinan negara kita yang masih cuba menghidupkan semula minda zaman Perang Dingin untuk mengkaburi mata rakyat. Ini sekali lagi satu serangan ke atas hak demokratik dan kebebasan bersuara.

Terdapatnya banyak skrip bagaimana golongan kiri sering dimangsakan setiap kali parti pemerintah mengalami krisis sepanjang sejarah negara kita. Namun, PSM tetap akan berpegang pada kebenaran. Harapan rakyat Malaysia adalah kewarasan akan menewaskan kejahilan. ##

Tahun lompat dan yang melompat

oleh Mohd Haizulrin Mohamad

Tahun lompat merupakan tahun yang mengandungi lebih satu hari daripada tahun biasa bagi menyamakannya dengan tahun astronomi ataupun tahun yang bermusim. Tahun 2016 pada bulan Februari lalu adalah tahun yang dinanti-nantikan oleh mereka yang lahir pada 29 Februari. Apa tidaknya, mereka yang lahir pada tanggal 29 Februari untuk kali ini hanya dapat meraikan ulangtahun hari jadi mereka empat tahun sekali sahaja.

Kasihannya mereka, ahli keluarga dan rakan-rakan yang lain dapat meraikannya setiap tahun, tapi mereka hanya dapat merasai nikmat memotong kek, meniup lilin dan menerima hadiah setiap empat tahun sekali sahaja. Walaupun begitu masih belum terdengar yang lahir pada tahun lompat ada yang melompat kerana kecewa atau marah sebab tidak dapat meraikan secara normal setiap tahun.

Namun tetap ada juga yang

kedegaran masih melompat pada tanggal tersebut, melompat memberi amaran mengenai KURSUS KILAT MARXISME yang diadakan di ibu negara. Melompat dengan tidak membenarkan sama sekali kursus ini dijalankan biarpun secara jelas dan terang tanpa memerlukan lagi lampu suluh bahawa Kursus Kilat Marxisme ini adalah kursus umum dan dibuka untuk orang awam dan bukannya pertemuan rahsia atau satu kursus agenda bawah tanah. Hinggakan sampai satu tahap, penganjur juga telah diingatkan dan akan dipanggil oleh pihak yang berkenaan.

Al-maklum saudara S.Arutchelvan merupakan penyelarasan kepada Kursus Kilat Marxisme ini, maka seperti kebiasaan terpaksa jua menjelaskan entah berapa kali nak ulang, nak bilang, nak terang dan memaklumkan pada pihak pihak yang melompat berkenaan dan orang ramai yang panik bahawa Kursus Kilat Marxisme ini

bukanlah cubaan untuk menghidupkan kembali fahaman komunis di negara Malaysia yang merdeka lagi berdaulat ini.


Kalau nak tahu cerita mesti tahu tajuknya, kalau tak faham bertanya. Sedikit pengenalan, Karl Heinrich Marx adalah ahli falsafah, ahli politik dan pakar teori kemasyarakatan Prussia, Jerman. Walaupun Marx menangani banyak isu sepanjang kerjayanya sebagai penulis dan ahli falsafah, Marx paling dikenali kerana analisa sejarahnya dari segi pertelingkahan golongan kelas, kepentingan kapitalis dan golongan tertindas.

Tidak tahukah mereka atau buat buat tak tahu atau tak nak ambil tahu bahawa Kursus Marxisme ini telah diajar di kebanyakan universiti utama di dunia. Pasti tidak terlintas langsung dalam pemikiran logik yang waras oleh mana-mana pemimpin dari PSM untuk “mengkomuniskan” minda

masyarakat di Malaysia ini kerana hakikat sebenar dan pengisian fakta yang sebenar dan paling utama dalam Kursus Kilat Marxisme ini nanti adalah kritikan Marx tentang sistem ekonomi Kapitalisme.

Juga dalam pengisian Kursus Kilat Marxisme ini nanti adalah perbincangan tentang kegagalan negara-negara “Kuku Besi” seperti rejim Pol Pot, Korea Utara dan lain-lain. Kursus ini juga akan membincangkan fenomena baru isu terkini di England dan Amerika Syarikat mengenai Jeremy Corbyn dari Parti Buruh England dan Bernie Sanders seorang calon presiden Amerika Syarikat dari parti Demokrat, mereka berdua mendokong teori mengenai Marxisme dan kesesuaiannya kepada dunia hari ini untuk memastikan bahawa setiap orang mempunyai akses kepada perumahan, penjagaan kesihatan, pendidikan, pekerjaan dan pengangkutan.

(sambung di m/s 7)



Selamatkan pekerja bukan kapitalis!

Tabung Pemberhentian Pekerja sekarang!

Selepas pemberhentian kerja lebih kurang 30,000 orang pekerja tahun lepas, dengan jumlah yang signifikan seramai 6000 orang pekerja daripada syarikat penerbangan MAS, sekali lagi kita dikejutkan dengan berita bahawa Petronas akan membuang kerja lebih 1000 orang pekerja.

Begitu mudah sekali, hampir 1,000 pekerja Petronas akan dimangsakan akibat daripada penstrukturan semula yang diumumkan oleh syarikat gergasi minyak dan gas itu, dengan alasan harga minyak sedunia yang semakin merudum. Pekerja-pekerja tersebut akan dilepaskan dalam tempoh masa enam bulan terdekat.

Berikutan dengan itu juga, syarikat Samsung Electronics Display (M) Sdn Bhd (SDMA) juga akan membuang lebih 600 orang pekerjaanya akibat senario ekonomi yang murung .

Apakah yang akan terjadi kepada semua pekerja ini yang sewenang-wenangnya dibuang kerja oleh majikan hanya kerana ingin mengurangkan kos? Pengalaman pekerja MAS yang dibuang kerja telah mengungkitkan pelbagai isu kritikal yang akan dialami oleh pekerja apabila kehilangan mata pencarian mereka.

(sambung dari m/s 6)

Dalam keadaan ekonomi negara yang meleset tidak melompat naik, dalam kegawatan harga banyak benda pula telah melompat naik, ditambah lagi perpecahan dalam UMNO apabila Mesyuarat Ahli Majlis Tertinggi UMNO telah melompat dari tindakan suka sangat menegur PM daripada Tan Sri Muhyiddin Yassin maka digantung jawatan Timbalan Presiden, manakala Tun Mahathir dan isterinya melompat keluar dari UMNO (melompat kali kedua dah rupanya) maka usahlah pula memesongkan rakyat dengan tuduhan atau label kepada Kursus Kilat Marxisme ini bertujuan untuk menghidupkan kembali fahaman komunis dengan pelbagai label dan sebagainya.

Harus diingatkan, Parti Sosialis Malaysia (PSM) adalah sebuah parti yang SAH pendaftarannya akan sentiasa akur kepada undang-undang negara dalam memperjuangkan Sosialisme Demokratik. PSM akan sentiasa mematuhi hak demokratik dan kebebasan bersuara tanpa prejudis.

Lompat sikatak Lompat, Lompatlah tinggi-tinggi... Ubahlah Kerajaan cepat, Jangan harga barang melompat lagi... ##



Para pekerja mahir yang diberhentikan daripada MAS, gagal mendapat kerja yang berpadanan selepas 6 bulan berusaha dan terpaksa berniaga di pasar malam dan gerai untuk menampung kehidupan sekeluarga.

Begitu juga, sebahagian besar pekerja yang berkemahiran ini, akan menghadapi masalah mendapatkan kerja yang setimpal dengan kebolehan mereka apabila keseluruhan industri petroleum dan gas dalam proses mengurangkan kos dan memberhentikan pekerja memandangkan harga minyak dunia yang semakin menjunam.

Dalam *Wall Street Journal* pada April 2015, dilaporkan bahawa dengan penurunan harga minyak mentah sedunia, kebanyakan syarikat dalam industri cari gali minyak dan juga penghasilan minyak mengumumkan perancangan untuk memberhentikan sebanyak 100,000 pekerja di seluruh dunia. Ini akan dilaksanakan terutamanya di kalangan pekerja pelantar minyak dan syarikat pengerudian minyak. Kelembapan sektor ini juga akan menyebabkan banyak lagi industri sampingan hilir (*downstream*) juga memberhentikan pekerja untuk mengurangkan kesan peningkatan kos.

Justeru, PSM menuntut pada Kementerian Sumber Manusia untuk menubuhkan satu tabung khas, "Tabung Pemberhentian Pekerja", demi menjaga kebajikan pekerja.

Antara cadangan yang dikemukakan berkenaan dengan cara-cara melindungi pekerja semasa krisis ekonomi:

1. Kerajaan wujudkan **Tabung Pemberhentian Pekerja**.
2. Bayaran ganti rugi kepada pekerja dari Tabung mengikut Faedah Renti Kerja yang diperuntukkan dalam Akta Kerja 1955
3. Bayaran dalam masa 30 hari selepas tarikh pemberhentian kerja.

4. Tabung ini harus dikendalikan oleh PERKESO.
5. Tabung ini dimulakan dengan sumbangan Kerajaan, diikuti sumbangan bulanan majikan dan pekerja.
6. Latihan semula kepada pekerja yang diberhentikan kerja oleh Pusat Pembangunan Sumber Manusia (HRDF).
7. Bayaran elaun sara hidup bulanan sebanyak 80% daripada gaji terakhir pekerja setiap bulan selepas tamatnya tempoh gaji yang dapat dibiayai oleh Faedah Renti Kerja, jika pekerja masih belum mendapat kerja baru.
8. Kerajaan atau Bank Negara harus mengarahkan bank swasta supaya membenarkan penangguhan bayaran pinjaman rumah pekerja yang diberhentikan kerja untuk sekurang-kurangnya 6 bulan diikuti dengan penjadualan semula bayaran ansuran pinjamannya.

Tabung Pemberhentian Kerja ini akan membayar kepada pekerja jumlah wang yang berhak diterima oleh pekerja apabila majikan yang mufliis gagal membayar pekerja tersebut. Selain daripada bayaran ganti rugi demi mengelakkan kejadian kemiskinan pada keluarga itu, elaun bulanan daripada sebuah tabung pemberhentian kerja juga adalah amat perlu. Elaun bulanan daripada tabung ini akan terus

diberikan kepada pekerja dan akan memastikan bahawa pekerja itu dapat menyara kehidupannya seperti biasa sehingga berjaya mencari pekerjaan yang baru. Bantuan ini bertujuan untuk memastikan keluarga pekerja itu supaya tidak terjerumus dalam kancan kemiskinan dan terjerat dalam hutang pinjaman serta masalah "Ah Long".

Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dengan jelas menyatakan bahawa, "Pada masa pengangguran meningkat di seluruh dunia, apabila kegawatan ekonomi berlaku, skim perlindungan sebegini terbukti lebih penting untuk membantu individu dan rumahtangga dalam menjamim keperluan asas kehidupan, dan pada masa yang sama menstabilkan permintaan agregat." Maksudnya adalah, selain daripada membantu pekerja yang terbabit, bantuan daripada tabung ini akan mendorong peningkatan ekonomi domestik.

Oleh yang demikian, PSM menyeru pada Kerajaan untuk menubuhkan Tabung Pemberhentian Pekerja dengan kadar yang segera, kerana pemberhentian pekerja akan berterusan oleh majikan yang membuat penstrukturan semula demi melindungi keuntungan mereka.

Jangan mangsakan pekerja semasa krisis ekonomi. Lindungi pekerja untuk menyelamatkan ekonomi bukannya kapitalis. ##



Selamatkan Malaysia atau selamatkan UMNO-BN?

oleh Sivarajan Arumugam

Sejak pengumuman Mahathir untuk mewujudkan gabungan meluas bagi menjatuhkan Najib Razak, pemimpin-pemimpin Pakatan Harapan dan masyarakat sivil telah cuba mengelakkan diri daripada kritikan rakyat.

PSM terkejut dan hairan bagaimana parti-parti pembangkang dan segelintir pimpinan masyarakat sivil begitu cepat setuju dengan "Deklarasi Rakyat" yang dibawa oleh Mahathir. Walaupun pemimpin-pemimpin yang berkenaan berbuat demikian atas kapasiti perseorangan, tetapi adalah tidak masuk akal untuk membezakan pandangan perseorangan dengan organisasi atau parti politik yang diwakili oleh mereka dalam kes ini.

Adakah mereka pernah mendapat pandangan ahli-ahli pertubuhan berkenaan dengan keputusan mereka? Adakah mereka menegaskan bahawa deklarasi tersebut perlu diubahsuai untuk memasukkan cadangan mereka sebelum ditandatangani?

Sidang akhbar yang bersejarah ini hanya membuktikan sejauh mana lemahnya dalam kekuatan gerakan dan idea-idea pembangkang serta masyarakat sivil. Oleh sebab gagal menyelesaikan pertengkaran antara mereka sendiri dan ketandusan idea untuk menjatuhkan Najib, mereka berputus untuk bergabung dengan bekas diktator yang membawa tuntutan yang sama.

Ini adalah simptom yang mensasarkan pada individu tetapi gagal memahami ekonomi politik

negara kita yang dibentuk oleh UMNO-BN. Sebarang rancangan jangka masa pendek untuk menjatuhkan satu-satunya pemimpin yang bermasalah tetapi mengekalkan pemerintahan oleh parti pemerintah yang sama akan mengundang bencana kepada masa hadapan politik Malaysia. Rakyat akan terus menderita di bawah dasar-dasar ekonomi neoliberal yang anti-rakyat sama seperti sekarang ini.

Cukai ke atas rakyat akan diteruskan, lebih subsidi ke atas barangan keperluan akan ditarik balik, jurang pendapatan akan terus melebar, gaji minimum terus berada pada paras yang tidak realistik, dasar buruh murah akan diteruskan, dan sebagainya...

Pentadbiran Najib adalah lanjutan daripada warisan Mahathir yang autoritarian dan neo-liberal. Kedua-dua pemimpin ini dan konco-konco mereka dalam UMNO-BN memegang pada prinsip ekonomi yang sama yang akan memiskinkan lagi rakyat. Oleh itu, apakah Pakatan Harapan dan masyarakat sivil harapkan daripadanya? Keuntungan jangka masa pendek, kesengsaraan jangka masa panjang!

Apa asasnya untuk Pakatan Harapan berkempen untuk mereka sebagai gabungan politik alternatif yang pro-rakyat, apabila mereka menandatangani satu deklarasi yang secara tidak langsung mengakui pemerintahan UMNO-BN dengan kononnya bersertakan beberapa perubahan struktur?

Walau bagaimana optimistik pun,



adakah Pakatan Harapan dan masyarakat sivil benar-benar percaya bahawa:

1. Adakah Mahathir dan gabungan raya akan dibenarkan untuk melakukan perubahan struktur yang signifikan dalam SPRM, PDRM, SPR dan kehakiman sedangkan UMNO-BN masih berkuasa?
2. Adakah mereka mengharapkan Timbalan Perdana Menteri Zahid Hamidi dan mereka yang lain dalam UMNO akan berdiam diri dengan perubahan yang dibuat, walaupun mereka sedar bahawa masa hadapan politik mereka akan tergugat?
3. Apakah selepas deklarasi ini? Bagaimana melaksanakannya? Apakah kuasa pelaksanaan yang ada pada gabungan raya ini?
4. Siapa yang memimpin gabungan ini? Adakah gabungan ini gabungan yang demokratik atau dikuasai oleh Mahathirisme?

PSM ingin mengingatkan Pakatan Harapan dan masyarakat sivil yang berkenaan bahawa terdapatnya banyak deklarasi sebelum ini, tetapi tidak membawa perubahan yang signifikan. Kejatuhan Marcos di

Filipina dan Suharto di Indonesia tidak dicapai hanya melalui deklarasi oleh elit politik.

PSM percaya bahawa perubahan sebenar hanya berlaku apabila sistem politik yang sedia ada digantikan dengan satu lagi sistem alternatif yang jelas. Warisan UMNO-BN perlu ditamatkan segera untuk seluruh sistem kehakiman, eksekutif dan perundangan diperbaharui bukannya ditambahbaikkan sahaja.

Oleh itu, kita tidak patut mengelirukan rakyat dengan mengatakan inisiatif deklarasi Mahathir ini akan membawa perubahan sebenar kepada kehidupan mereka. Hanya gerakan politik yang alternatif yang menghancurkan sistem neoliberal dan membina ekonomi yang benar-benar pro-rakyat dapat mempertahankan kemanusiaan dan alam sekitar.

Selamatkan Malaysia daripada UMNO-BN! Perubahan sebenar bukannya sekadar penambahbaikan! ##

DEKLARASI RAKYAT

Mandela, Barisan Bersatu dan "damage control"?

oleh S. Arutchelvan

Saya dimotivasi untuk menulis ini setelah membaca tulisan Tukar Tuib yang cuba memaparkan "Deklarasi Rakyat" sebagai satu Barisan Bersatu (*United Front*) dan juga mempunyai sedikit titik persamaan dengan Gabungan Putera-AMCJA pada tahun 1947.

Bagi anak-anak muda yang kecewa dan tergaru-garu bertanya bahawa mengapa orang yang dipercayai mereka selama ini sebagai seorang yang radikal boleh dilihat bersama dengan Mahathir, maka tulisan

tersebut disaluti dengan nama, label dan slogan-slogan kiri untuk memaparkan keprogresifannya, atau sekadar cubaan meredakan bara dalam hati anak-anak muda.

Dari awal lagi, saya mengambil pendirian bahawa tindakan bekerjasama dengan Mahathir bukannya sesuatu yang langsung tidak boleh dilakukan, tetapi ia adalah tindakan terburu-buru dan individu-individu bersama kita gagal merundingkan satu deklarasi yang lebih kukuh kerana mereka hanyalah pemain pinggir kepada agenda Mahathir, walaupun ada di kalangan

mereka kini cuba menyakinkan kita bahawa mereka memang berjaya menyelit pandangan reformasi institusi sistem dan sebagainya. Jika andaikata mereka memang mempunyai kataputus yang kuat (*leverage*), mengapa mereka tidak melakukan satu deklarasi yang lebih baik memandangkan ramai di kalangan mereka adalah aktivis matang, berpengalaman dan pernah menandatangani



puluhan deklarasi hak asasi dan tuntutan rakyat sebelum ini.

Ada yang cuba menggambarkan bahawa rundingan ini ada persamaan dengan kerjasama Nelson Mandela dan F. W. de Klerk. Namun, harus ditegaskan bahawa De Klerk bukan seperti Mahathir di mana De Klerk merupakan orang yang telah meminta maaf dan telah memainkan peranan utama untuk menamatkan Apartheid. Beliau membebaskan Mandela dan membenarkan parti ANC beroperasi secara sah. Bukannya seperti Mahathir, di mana bukan sahaja

beliau tidak meminta maaf, tetapi beliau juga kecewa apabila Najib memansuhkan ISA.

(sambung di m/s 9)

Jangan sekadar tumpang pada orang lain

oleh Arutchelvan

Pada satu ketika dulu, saya pernah mempersoalkan Langkah Kajang, masa itu ada seorang ahli PKR menuduh saya bekerjasama dengan BN, dan ada juga pandangan yang mengkritik saya bahawa saya hendak bertanding di kerusi tersebut. Hari ini, si pengkritik itu mengakui bahawa Langkah Kajang adalah tindakan yang tidak betul. Apabila seseorang itu cuba mempertahankan posisi partinya, kadangkalanya boleh hilang pemikiran yang rasional. Biarlah kita bincang isu ini secara ilmiah dan rasional.

Pada pandangan saya, tindakan pihak Pembangkang dan masyarakat sivil menandatangani deklarasi yang diterajui oleh Mahathir itu adalah suatu tindakan yang terburu-buru. Namun, ada pihak yang salah tafsir pandangan saya ini dan sekali lagi melemparkan tuduhan liar tanpa asas. Saya tidak mengatakan bahawa tuntutan mendesak Najib berundur itu adalah tindakan yang tidak popular. Ia memang tuntutan yang popular, tetapi masalahnya adalah pembangkang tiada strategi.

Pandangan saya mudah sahaja. Apabila Mukhriz dilucutkan jawatannya sebagai Menteri Besar Kedah dan ini diikuti pemecatan Muhyuddin Yassin daripada jawatan Timbalan Presiden UMNO, maka Mahathir menjadi terdesak dan memerlukan kumpulan baru untuk melawan Najib. Malangnya Mahathir gagal mendapat sokongan yang kuat daripada anggota-anggota dalam UMNO sendiri dan terpaksa bergantung kepada parti pembangkang dan masyarakat sivil. Oleh itu, parti pembangkang dan masyarakat sivil mempunyai kelebihan dalam rundingan dengan Mahathir, dan mereka sepatutnya menggunakan kekuatan ini supaya mengambil masa yang lebih lama untuk merangka satu deklarasi yang lebih utuh dan kukuh yang dapat diterima oleh lebih ramai orang.

Namun, nampaknya sangat peranan mereka amat minimal kecuali berjaya meletakkan satu dua ayat mengenai perubahan institusi. Mahathir berjaya memperkudakan semua pemimpin kanan negara dengan agendanya sendiri. Beliau juga langsung tidak mahu memberi sebarang komitmen kepada tuntutan Otai Reformasi contohnya.

Apa yang saya lihat, sama juga seperti semasa Obama datang melawat Malaysia, mereka berlumba-lumba ingin dijemput dan masuk dalam bandwagon. Apakah ini contoh yang kita nak tunjukkan kepada anak cucu kita bagaimana kita lebih suka berlumba-lumba masuk bandwagon daripada mengatur langkah kita sendiri. Ada pula dengan pandai ingin menggunakan ungkapan “*United Front*” (Barisan Bersatu), tetapi dalam *United Front* ini, mereka hanya lehin kepada sekadar mengikut agenda Mahathir daripada mencorak agenda yang lebih bermaruah.

Kelemahan ketara adalah pembangkang sudah ketandusan idea dan terlalu banyak perpecahan dalaman. Mereka tiada idea bagaimana hendak menumpaskan UMNO-BN dan berhadapan dengan Najib. Inilah kebenaran dan oleh itu harap jangan cuba meraih kemenangan atas idea orang lain.

Orang-orang macam Ambiga dan Maria Chin memang mempunyai pengaruh mereka dan ramai pengikut. Ambiga dalam banyak program, amat berjaga-jaga supaya beliau dilihat sebagai independen.

Maria pula begitu marah pada ketika ada orang menjemput Mahathir untuk program bantah GST semasa Hari Mei Satu. Beliau berkata jika Mahathir hadir, maka beliau tidak akan hadir. Begitu kuat pegangannya. Mereka harus menunjukkan kepimpinan mereka dalam membimbing rakyat ke jalan yang betul dan benar. Biarlah parti politik berpolitik. Masyarakat sivil harus sentiasa menjadi semak dan imbang, tak kira BN atau PH. Rasuah dan korupsi harus dilawan.

Sejarah akan memperhatikan setiap langkah kita. Sekurang-kurangnya Mahathir harus mengakui kesilapannya dulu, meminta maaf dan kemudian baru mengetuai barisan baru. Yang anehnya adalah semua mangsanya mengatakan mereka sudah memaafkan Mahathir padahal Mahathir tidak pernah meminta maaf kepada mereka atau mengaku kesalahannya dalam memecat hakim, menangkap tahanan ISA dan memperkenalkan undang-undang zalim.

Harap pandangan ini dapat didebat secara matang. ##

(sambung dari m/s 8)

Sekarang biarlah saya menerangkan konsep Barisan Bersatu. Barisan Bersatu bermakna semua pihak bersetuju dengan satu strategi bersama. Dalam contoh PUTERA-AMCJA, mereka telah melakukan pelbagai rundingan, perbincangan peringkat akar umbi sebelum dilancarkan. Mereka juga adalah organisasi-organisasi politik, kesatuan sekerja yang besar. Ini adalah kali pertama, saya melihat beberapa individu buat keputusan dan ia dipanggil Barisan Bersatu sedangkan Barisan Bersatu di negara-negara lain dibina melalui kumpulan dan organisasi, bukan individu-individu yang melafazkan “saya masuk sebagai individu”. Maka hujah yang cuba menunjukkan Deklarasi Rakyat ada persamaan dengan PUTERA-AMCJA adalah hujah kelakar.

Jika kita bedah siasat Deklarasi Rakyat yang diterajui oleh Mahathir, Deklarasi Rakyat itu bukan dibentuk oleh rakyat. Ia tidak disokong oleh Pakatan Harapan berdasarkan kenyataan Pakatan Harapan itu sendiri. Pengerusi BERSIH 2.0 melibatkan diri sebagai individu dan hanya selepas menyertainya baru mahu mengadakan perbincangan ala mesyuarat dewan perbandaran dengan rakyat mengenai deklarasi ini. Wan Azizah, Presiden PKR, mengatakan bahawa membebaskan Anwar akan menjadi satu tuntutan utama dalam Deklarasi Rakyat; Mukhriz pula mengatakan Deklarasi



Rakyat adalah untuk menyelamatkan BN daripada tidak kalah dalam pilihanraya akan datang dan sebagainya. Maka apakah “bersatu” sangat dengan deklarasi ini? Sehari selepas deklarasi, pelbagai pandangan bercanggahan hanya memberi keyakinan bahawa ia bukanlah satu keputusan yang dibincang secara masak-masak, menyeluruh atau berpandangan jauh.

Oleh itu, kepada individu-individu yang sekarang ini berusaha gigih membuat kawalan kerosakan (*damage control*), nasihat saya adalah jangan melakukannya secara berketerlaluan, seperti menggunakan ungkapan Mandela dan Barisan Bersatu, kerana susah sangat untuk mempertahankan sesuatu yang bukan sebenarnya benar. Cukup jika dikatakan deklarasi itu belum lengkap dan perlu ada banyak kerja lagi. Ini saya rasa satu kenyataan yang lebih bertanggungjawab.

Kebenarannya adalah Mahathir yang menetapkan tarikh, menetapkan tempat, menjemput individu, menulis

95% daripada deklarasi dan pihak lain yang menandatangani tergesa-gesa untuk masuk dalam gelanggang, cuba membuat sedikit pindaan dan akhirnya buat sidang akhbar. Apabila ada orang menjerit reformasi di akhir program, Mahathir senyum sahaja. Ia adalah agenda Mahathir.

Mungkin orang macam Lim Kit Siang yang sebelum ini Mahathir pun sudah panggil untuk gabungan bersama, maka beliau jelas tetapi ramai yang lain hanyalah lompat dalam sampan tunda, mereka malas membina gerakan mereka sendiri dan bersikap oportunis. Sekarang ini, disebabkan idea mereka dikritik secara hebat, maka setiap orang antara mereka bertungkus-lumus cuba memberikan pengertian baru kepada tindakan mereka.

Untuk kita mara ke hadapan, gerakan

rakyat tidak boleh dibina secara dari atas ke bawah, iaitu beberapa individu membuat keputusan untuk majoriti dan idea mereka cuba dijual dengan pelbagai cara.

Kita kena belajar dari PUTERA-AMCJA, atau jika malas membaca, bolehlah menonton filem bertajuk “Sepuluh Tahun Sebelum Merdeka” yang dibikin oleh Fahmi Reza. Tetapi janganlah menggunakannya untuk menjustifikasi sesuatu yang langsung tidak berkaitan dan tidak boleh pakai.

Ramai yang mahu Najib undur. Bagi mereka buat apa-apa pun OK sahaja asalkan Najib undur. Namun sebagai aktivis, kita semua mempunyai tanggungjawab membina perubahan tulen supaya masa depan masyarakat menjadi lebih baik, adil dan saksama. Kita kena membina persamaan, perpaduan dan melibatkan rakyat majoriti dalam mencorak perubahan. Kerja ini mungkin lebih susah, tetapi lebih baik daripada menjadi pemain pinggir dalam agenda orang lain. Rakyat adalah aset kita yang paling besar dalam membina perubahan. Marilah kita sama-sama mencari kerjasama dan muafakat yang lebih benar dan menyeluruh untuk pembebasan rakyat negara kita. ##



B40 vs kontraktor

Kerajaan sayang siapa?

(Berikut adalah teks ucapan Dr. Jeyakumar Devaraj, Ahli Parlimen Sungai Siput, semasa sesi perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agung di Dewan Rakyat pada 14 Mac yang lalu.)

Saya ingin menggunakan peluang ini untuk fokus pada satu kontradiksi yang besar dalam pelaksanaan polisi kerajaan Malaysia. Kerajaan kita berkata bahawa adalah hasrat kerajaan Malaysia untuk meningkatkan pendapatan golongan B40 (iatu 40% keluarga berpendapatan terendah) dalam usaha mewujudkan satu masyarakat yang inklusif. Tetapi, ada juga polisi kerajaan yang bercanggah dengan hasrat ini.

Di sebelah rumah saya di Ipoh, ada sebuah sekolah bernama Sekolah Convent Tarcisian di mana ada 6 orang pekerja pembersihan yang bertugas untuk membersihkan sekolah. Mereka adalah pekerja syarikat Time Medi Enterprise yang dimiliki oleh seorang kontraktor yang bernama Meor Mohsein. Masalah yang dihadapi oleh 6 orang pekerja ini adalah mereka tidak dibayar gaji sejak bulan Mei 2015.

Mereka telah mengadu masalah ini kepada Guru Besar, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan juga Jabatan Tenaga Kerja di Ipoh. Namun, sampai sekarang mereka belum dibayar lagi gaji yang tertunggak lebih daripada 8 bulan.

Syarikat Time Medi Enterprise telah diberi kontrak untuk membekalkan perkhidmatan pembersihan di 6 buah sekolah lagi dengan lebih daripada 35 orang pekerja. Kesemua pekerja ini tidak dibayar gaji sejak bulan Mei tahun lalu.

Saya telah membawa soalan ini ke dalam Dewan Rakyat. Soalan saya adalah, "mengapakah Kementerian Pendidikan telah membayar Time Medi Enterprise sehingga Disember 2015 walaupun kontraktor itu gagal membayar gaji pekerjaannya sejak Mei 2015 dan dijadikan Mufliis pada Julai 2015? Adakah Kementerian sedia membayar gaji tertunggak pekerja yang terlibat?" Soalan ini telah ditanya 9 Mac yang lalu.

Jawapan daripada Kementerian Pendidikan adalah, "KPM telah memulakan proses penamatan

syarikat Time Medi Enterprise pada bulan April 2015 disebabkan prestasi syarikat yang tidak memuaskan. Bayaran terakhir yang telah dibuat ialah sehingga 31 Mei 2015 dan tiada sebarang pembayaran dibuat kepada syarikat itu selepas tarikh tersebut."

Persoalan yang saya ingin bawa adalah, mengapakah 40 orang pekerja yang terlibat masih belum dibayar gaji mereka? Mengapa pihak KPM tidak adakan mesyuarat dengan pekerja untuk selesaikan masalah ini? Sudah 8 bulan mereka bekerja tanpa dapat gaji. Saya harap Menteri akan memberi jawapan kepada soalan ini.

Masalah yang dihadapi oleh pekerja pembersihan Time Medi Enterprise bukan satu perkara yang terasing ataupun jarang berlaku. Ada ramai pekerja kontrak di sekolah-sekolah kerajaan yang menghadapi masalah yang sama.

Ada satu lagi syarikat perkhidmatan pembersihan sekolah di Ipoh yang bernama Double Click Enterprise. Pengarahnya adalah Datuk Hj Hashim Ahmad. Syarikat ini menjaga kebersihan 5 buah sekolah di Ipoh. Masalah dengan syarikat ini adalah selalu lambat dalam membayar gaji. Kadang-kadang sampai dua bulan. Lebih-lebih lagi, walaupun ada potongan KWSP, caruman tidak dibuat.

Pekerja yang terlibat telah mengadu kepada Guru Besar, Pejabat

Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan juga KWSP. Namun, apabila kontrak syarikat ini tamat pada Disember 2015, pengarah syarikat ini Datuk Hj Hashim telah diberi kontrak baru untuk 3 tahun tetapi di bawah nama syarikat baru iaitu Usaha Haanaib. Mengapa ini berlaku? Mengapakah kontraktor yang kurang bertanggungjawab boleh dikekalkan? Mengapakah dia ada kekebalan?

Masalah ini bukan sahaja di Ipoh. Kami telah menerima aduan daripada pekerja-pekerja keselamatan di Kedah. Adanya 100 orang pegawai keselamatan yang bekerja di beberapa sekolah di sekitar Sungai Petani menghadapi masalah. Pada 1 Januari yang lalu, kontrak keselamatan telah diberikan kepada syarikat One Mission Security Services Sdn Bhd dan pegawai keselamatan yang telah bertugas di sekolah-sekolah di situ untuk beberapa tahun. Masalahnya adalah syarikat One Mission ini telah menyifatkan semua pegawai keselamatan ini sebagai pekerja tempoh percubaan dan menurunkan gaji mereka kepada RM 630 sebulan.

Pada pemahaman saya, kontrak yang dimeteraikan dengan syarikat keselamatan adalah berdasarkan pada bayaran gaji asas sebanyak RM 900 untuk tempoh kerja selama 8 jam. Tindakan kontraktor ini membayar gaji asas sebanyak RM 630 langsung tidak munasabah. Tetapi tindakan ini menunjukkan

dengan jelasnya ketamakan sebahagian daripada para kontraktor yang memberi perkhidmatan pembersihan sekolah dan perkhidmatan keselamatan.

Wujudnya lebih daripada 11,000 buah sekolah di negara kita. Jumlah pekerja kontrak pembersihan dan pegawai keselamatan adalah lebih kurang 150,000 orang. Mereka semua adalah daripada lapisan B40 dan sebahagian besar daripada mereka adalah Bumiputra. Ada ramai antara pekerja kontrak di sekolah-sekolah kita yang menghadapi masalah seperti telah saya huraikan sebelum ini.

Sistem kontrak untuk perkhidmatan di sekolah dan di hospital diwujudkan oleh kerajaan untuk memberi peluang perniagaan untuk lapisan kontraktor di kalangan Bumiputra. Kerajaan kita berhasrat untuk membangunkan satu lapisan usahawan di kalangan Bumiputra. Tetapi polisi ini menjejaskan kebajikan lebih daripada 150,000 pekerja di sekolah-sekolah kita.

Jadi, apabila timbulnya percanggahan antara polisi memupuk usahawan Melayu dengan polisi meningkatkan taraf ekonomi B40 yang majoritinya daripada kaum Melayu juga, golongan mana yang diberi keutamaan oleh kerajaan BN? Lapisan kontraktor atau lapisan pekerja kontrak? Golongan mana yang disayangi oleh Kerajaan Malaysia?

(sambung di m/s 11)



Koleksi perbahasan Dr. Kumar di Parlimen



PSM telah mengadakan sidang akhbar pada 24 Februari yang lalu untuk melancarkan buku koleksi teks perbahasan oleh Dr. Jeyakumar Devaraj, Ahli Parlimen PSM Sungai Siput.

Sejak Dr. Jeyakumar memenangi kerusi parlimen Sungai Siput pada tahun 2008, adalah menjadi amalan Pejabat Ahli Parlimen Sungai Siput menerbitkan koleksi perbahasannya di Parlimen setiap tahun dalam 3 bahasa, iaitu Bahasa Malaysia, Bahasa Tionghua dan juga Bahasa Tamil. Beberapa ratus naskah buku-buku ini telah diedarkan kepada penduduk Sungai Siput dan juga kepada rakyat di luar kawasan tersebut. Terbitan sebegini membolehkan seluruh pengundi di kawasan parlimen Sungai Siput dan rakyat Malaysia dapat tahu tentang apa yang dikatakan oleh wakil rakyat mereka dalam Dewan Rakyat.

Koleksi terkini mengandungi semua ucapan intervensi penting yang

dibuat oleh Dr Jeyakumar dalam tahun 2015, termasuk:

- Masalah perubahan iklim, pengeluaran gas karbon dioksida dan perlunya menggubal dasar tenaga negara yang mampan;
- Pencemaran sungai kita oleh tangki-tangki pembentungan setempat yang tidak dikendalikan secara sempurna;
- Peningkatan kadar jangkitan *Tuberculosis* di kalangan rakyat kita dan hubungannya dengan polisi yang menyingkirkan para pekerja asing daripada sistem kesihatan negara kita;
- Impak kehadiran 5.5 juta pekerja asing ke atas peluang pekerjaan dan gaji pekerja tempatan, terutamanya mereka daripada golongan B40;
- Perlunya mansuhkan polisi yang menganggap penagih dadah seolah-olah mereka adalah penjenayah;

- Ketiadaan polisi yang bersikap kemanusiaan terhadap orang-orang pelarian yang datang ke Malaysia;
- Sistem perdagangan antarabangsa yang terus memindahkan kekayaan yang dicipta di negara sedang membangun ke akaun bank korporat besar;
- Bagaimanakah pekerja pembersihan pejabat di Australia boleh mendapat gaji yang 11 kali lebih tinggi daripada pekerja pembersihan pejabat di Malaysia?;
- Keperluannya untuk memberi perlindungan dan galakan kepada pekebun-pekebun sayur yang mengusahakan penanaman di atas tanah kerajaan;
- Impak TPPA terhadap pengagihan kekayaan di Malaysia, industri kecil dan sederhana, kos ubat, kos buku rujukan dan kapasiti kerajaan kita mengawalselia ekonomi dan

melindungi alam sekitar.

Seperti dinyatakan oleh Sivarajan, Setiausaha Agung PSM, sebuah masyarakat dengan rakyat yang matang pemikirannya adalah amat penting dalam mewujudkan satu sistem demokratik. Jika rakyat tidak matang, ahli-ahli politik yang kurang bertanggungjawab akan memainkan isu-isu beremosi berkaitan agama dan kaum untuk mendapatkan sokongan walaupun kesannya adalah memecah-belahkan rakyat kita.

Itulah sebabnya PSM sentiasa mencuba memberi pendidikan politik kepada rakyat umum melalui kenyataan akhbar, risalah-risalah dan kempen-kempen nasional. PSM percaya bahawa rakyat biasa boleh memahami isu-isu nasional seperti GST, Tabung Pemberhentian Kerajaan, masalah loji penjana kuasa nuklear dan TPPA, sekiranya isu-isu ini dibahaskan secara rasional dalam media massa kita. ##

(sambung dari m/s 10)

Sistem kontrak jika dilaksanakan secara bertanggungjawab pun merugikan pekerja biasa, ini kerana:

- Apabila kakitangan kerajaan dijadikan pekerja kontrak, mereka kehilangan jaminan pekerjaan. Setiap 3 tahun pekerja kontrak menghadapi masalah hilang kerja jika syarikat mereka tidak dapat meneruskan kontrak dan kontraktor baru tidak mahu mengambil mereka sebagai pekerja.
- Tiada kenaikan gaji tahunan seperti yang dinikmati oleh kakitangan kerajaan.
- Tiada pinjaman perumahan dengan kaedah bunga yang rendah.
- Tiada akses kepada rawatan percuma di Institut Jantung Negara (IJN) jikalau mereka mengidapi sakit jantung.
- Tiada kemudahan pencen.

Jika dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab tanpa sebarang penipuan oleh pihak kontraktor pun, sistem kontrak ini amat merugikan pekerja biasa. Tambahan pula di Malaysia, kesan buruk sistem kontrak ini dilipatgandakan oleh

tabiat menipu oleh pihak kontraktor dan keengganan pihak kerajaan untuk mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang tidak bertanggungjawab.

Pada pendapat saya, yang baik sekali adalah untuk memansuhkan sistem kontrak dan menjadikan semua pekerja kontrak di sekolah dan hospital sebagai kakitangan kerajaan semula. Adanya lebih daripada 150,000 pekerja kontrak di sekolah-sekolah di Malaysia dan sejumlah yang sama besar yang bertugas sebagai pekerja kontrak di hospital-hospital kerajaan. Dan apabila kita campur semua pekerja

kontrak di kementerian lain dan juga di peringkat kerajaan negeri serta majlis tempatan, jumlahnya adalah lebih kurang 500,000 pekerja kontrak di jabatan-jabatan kerajaan. Mereka semuanya dalam lapisan B40.

Jika lapisan ini dijadikan kakitangan kerajaan, kualiti hidup dan sekuriti mereka akan meningkat. Baru ini akan memberi makna kepada perkataan "inklusif".

Saya ingin mengesyorkan penubuhan satu Suruhanjaya Di-Raja untuk mengkaji situasi ini dan membuat cadangan bagaimana pemansuhan ini harus dilaksanakan.

Saya faham bahawa pemansuhan sistem kontrak akan ambil masa sedikit. Sambil kita menunggu pemansuhan sistem kontrak, kementerian-kementerian kita harus mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang menipu pekerja mereka. Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan harus memantau kontraktor mereka secara rapi. Jika ada unsur-unsur penipuan dalam bayaran gaji, bayaran KWSP dan kiraan OT, kontrak itu harus ditarik baik dengan serta-merta dan pekerja yang terlibat dibayar terus oleh kerajaan. Kontraktor yang menipu harus disenaraihitamkan dan tidak dibenarkan untuk memohon kontrak baru dengan menggunakan syarikat baru.

Jika kerajaan tidak mengambil pendirian yang tegas dan berprinsip terhadap isu penipuan dan pemangsaaan pekerja kontrak di jabatan-jabatan kerajaan, semua hujah-hujah kerajaan terhadap mewujudkan masyarakat yang inklusif adalah hanya kata-kata kosong. ##



“New Deal” untuk masyarakat desa

Penemuan utama dalam Kajian Sosio-ekonomi di kawasan desa Sungai Siput

1. 45% daripada keluarga Melayu memperolehi pendapatan bulanan di bawah RM 1200. 40% lagi berpendapatan bulanan antara RM 1200 dan RM 2000 sekeluarga. Hanya 15% menikmati pendapatan sekeluarga yang melebihi RM 2000 sebulan.
2. 37% daripada lelaki yang bekerja untuk gaji mendapat gaji di bawah paras minimum, iaitu RM 900 sebulan.
3. 43% daripada lelaki antara umur 30 hingga 50 tahun hanya bekerja 4 hari seminggu ataupun kurang daripada itu. Ini adalah pengangguran tersembunyi.
4. 65% daripada lelaki berumur 30 hingga 50 tahun tidak membayar KWSP ataupun PERKESO.

Sebab-sebab utama kemiskinan di kampung-kampung Melayu luar bandar

Sebab 1: Kehadiran 3.5 juta orang pekerja asing tanpa izin (PATI)

Ramai daripada PATI datang ke Malaysia dengan cara dan dokumen yang sah. Tetapi mereka terpaksa melarikan diri daripada majikan asal mereka kerana dianiayai oleh majikan dan ejen. Mereka tidak

dapat kembali ke negara mereka kerana belum lagi selesai hutang yang diambil untuk datang ke Malaysia.

Oleh kerana mereka tertekan dan tidak ada perlindungan undang-undang, PATI ini sedia bekerja dengan gaji di bawah paras gaji minimum. Ini menjejaskan situasi orang kampung tempatan yang terpaksa menerima gaji yang sama rendah jika mahu dapat kerja.

Sebab 2: Sikap feudal di kalangan orang kampung

Kerajaan Persekutuan memperuntukkan lebih kurang RM 15 bilion setiap tahun untuk kebajikan dan pembangunan kawasan desa melalui Kementerian Pertanian, Kementerian Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Tetapi sebahagian besar daripada peruntukan ini tidak sampai ke sasarannya tetapi masuk ke dalam saku wakil rakyat, ADUN UMNO, pegawai daerah, pegawai-pegawai lain dan kontraktor yang berdamping dengan mereka. Oleh kerana orang kampung tidak diberitahu jumlah yang diperuntukkan untuk mereka, mereka tidak berupaya untuk memainkan peranan semak dan imbang (*check and balance*).

Sebab 3: Cara perlantikan pemimpin-pemimpin tempatan.

Pada takat ini, ketua-ketua kampung dilantik oleh Pegawai Daerah atas nasihat ADUN dan Ahli Parlimen

UMNO. Tetapi inilah pihak-pihak yang menelan sebahagian besar daripada peruntukan untuk membangunkan masyarakat desa! Seorang ketua kampung yang dilantik oleh wakil rakyat kawasan tidak dapat menegur ataupun menyoal wakil rakyat itu!

Langkah-Langkah untuk mengatasi kemiskinan luar bandar

1. Mengurangkan jumlah pekerja asing sambil memperkasakan pekerja asing.
- Jika pekerja asing dapat membela diri di mahkamah buruh terhadap majikan yang membuli mereka, mereka tidak akan menjadi PATI. Pekerja asing yang dibuang kerja kerana menghadap majikan ke jabatan buruh harus diberi permit khas untuk mencari kerja dengan seorang majikan yang lain.
2. Mengambil tindakan tegas terhadap majikan yang mengupah PATI. Pada takat ini, ramai orang majikan lebih suka ambil PATI kerana dapat menjimatkan kos.
3. Ketua kampung mesti dilantik oleh penduduk kampung itu



- melalui pilihanraya tempatan. Ini akan memastikan mereka serta JKK Kampung boleh main peranan semak dan imbang terhadap projek-projek kerajaan.
4. Semua butiran berkaitan projek-projek pembangunan sosio-ekonomi masyarakat desa mesti dipamerkan di Pejabat Tanah dan juga laman web supaya orang kampung boleh semak berapa jumlah wang yang diperuntukkan dan spesifikasi projek-projek yang diluluskan.
5. Pencen bulanan sebanyak RM 200 untuk setiap orang rakyat Malaysia yang berumur 70 tahun dan ke atas.
6. Menghentikan penswastaan kemudahan asas seperti kesihatan, pendidikan dan air kerana penswastaan meningkatkan kos dan menyusahkan orang berpendapatan rendah.

Kemasukan 1.5 juta Pekerja Bangladesh	
Yang Untung	Yang Rugi
- Kawan/keluarga Menteri dan Pegawai Tinggi Imigresen yang mengendalikan isu ini. - Agen-agen besar yang dapat caj komisen besar. - Majikan besar yang dapat pekerja gaji murah yang dapat dibuli.	- Pekerja migran sendiri yang akan dibiuli. - Pekerja tempatan biasa yang hadapi masalah pengangguran dan gaji rendah

Kampung Permatang Tok Subuh berdepan dengan pengusiran paksa

Kampung Permatang Tok Subuh, merupakan sebuah perkampungan peneroka bandar yang terletak di Bukit Minyak, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Kampung ini sedang menghadapi ancaman pengusiran paksa.

26 keluarga yang menduduki kampung ini telah menerima notis bailif pemilikan kosong yang mengarahkan mereka untuk mengosongkan rumah sebelum 4 Mac 2016.

Kampung Permatang Tok Subuh sudah diteroka oleh penduduk sejak sekurang-kurangnya 70 tahun yang lalu. Distinct Class Sdn Bhd yang menggelar dirinya tuan tanah dikatakan membeli tanah tersebut daripada pemilik sebelum itu dan mengheret penduduk asal ke mahkamah untuk mengusir mereka. Keputusan kes di Mahkamah Sesyen Butterworth pada bulan Ogos tahun lepas tidak berpihak



kepada para penduduk dan sekarang notis pemilikan kosong telah dikeluarkan.

Dalam satu sidang akhbar telah diadakan pada 27 Februari yang lalu, para penduduk telah menyatakan hasrat mereka untuk mempertahankan kampung halaman mereka daripada pengusiran paksa oleh tuan tanah. Para penduduk Kampung Permatang Tok Subuh juga membuat satu aduan polis di Ibupejabat Polis Daerah Seberang Perai Tengah pada 1 Mac yang lalu.

Pada 4 Mac yang lalu, satu

himpunan solidariti telah diadakan di Kampung Permatang Tok Subuh dengan wakil daripada pelbagai organisasi masyarakat dan parti politik telah hadir untuk memberi sokongan kepada perjuangan penduduk Kampung Permatang Tok Subuh

Para penduduk menuntut supaya hak perumahan mereka dijamin, iaitu perlunya rumah gantian sekiranya mereka terpaksa berpindah. Namun, Distinct Class Sdn Bhd cuba mengusir penduduk secara paksa dengan perintah mahkamah.

Pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memberi janji bahawa akan menyediakan tanah alternatif kepada para penduduk kampung. Namun, isu pampasan perlu diselesaikan dengan pihak tuan tanah supaya para penduduk boleh mendapat dana yang mencukupi untuk membina rumah alternatif.

Penduduk Kampung Permatang Tok Subuh bertekad untuk berjuang mempertahankan kampung halaman mereka daripada dihancurkan oleh golongan yang tamakkan keuntungan.

Hak untuk rumah selesa dan bebas daripada pengusiran paksa adalah hak asasi semua orang. Penduduk Kampung Permatang Tok Subuh tidak patut dikorbankan hanya kerana sesetengah pihak ingin mengaut keuntungan daripada tanah yang dirampas daripada peneroka dengan kehancuran sebuah komuniti yang telah dibina untuk bertahun-tahun lamanya. ##

Kenapa pekerja tempatan tidak minat kerja-kerja 3D?

oleh Sekretariat JERIT

Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT) menyambut baik pengumuman Menteri Dalam Negeri, Zahid Hamidi, yang mengumumkan tentang pembekuan pengambilan pekerja-pekerja migran termasuk 1.5 juta pekerja migran dari Bangladesh. Kami juga memuji langkah kerajaan yang meminta majikan supaya merekrut pekerja tempatan bagi kerja-kerja 3D – (kotor, berat dan bahaya / *Dirty, Dangerous, Difficult*).

Sejurus dengan keputusan Menteri, JERIT ingin menekankan keperluan untuk mengkaji semula gaji bagi sektor 3D. Majoriti pekerja tempatan tidak berminat dalam sektor ini terutamanya pembinaan, perladangan, dan pembuatan. Ini kerana gaji yang rendah dan risiko keselamatan yang tinggi.

Berdasarkan statistik Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan pada akhir tahun 2015, kebanyakan kemalangan industri berlaku di sektor pembuatan, diikuti sektor perladangan (pertanian,



pembalakan perhutanan dan perikanan) dan sektor pembinaan. Ini menunjukkan bahawa 3 sektor inilah sektor-sektor utama yang berlaku kemalangan dalam jumlah tinggi.

Selain gaji yang rendah dan kerja yang bahaya, jaminan kerja juga satu lagi masalah yang dihadapi oleh pekerja di sektor 3D. Majoriti pekerja

di sektor 3D diambil kerja secara kontrak. Sistem kontrak ini menjadikan situasi pekerja lebih teruk. Walaupun kerjanya bersifat tetap, tetapi pekerja diambil kerja secara kontrak dan bukan pekerja tetap. Tambahan pula, tiada sebarang faedah seperti elaun perubatan ataupun insurans bagi kerja-kerja 3D.

JERIT berpendapat bahawa gaji, faedah dan perlindungan yang lebih baik akan menarik lebih pekerja tempatan Malaysia untuk memilih kerja di sektor 3D. Sehubungan dengan ini, JERIT juga menegaskan bahawa peningkatan gaji minimum ke RM1500 juga akan turut mendorong pekerja tempatan untuk memilih kerja di sektor 3D. Sebagai contoh, Indah Water Konsortium (IWK) mengupah lebih pekerja tempatan untuk membekalkan perkhidmatan. Juga, sektor seperti perladangan, beberapa generasi pekerja tempatan telah bekerja. Kenapa tidak sekarang?

Maka, jika pengumuman Menteri Dalam Negeri, Zahid Hamidi adalah serius, maka beliau perlu memastikan isu gaji dan faedah-faedah lain dilaksanakan supaya pekerja tempatan menjadi sasaran untuk kerja-kerja 3D di Malaysia. Menteri juga tidak harus mencabar pemuda-pemudi di Malaysia dengan tuduhan bahawa mereka tidak berminat membuat kerja-kerja tersebut, tanpa memperbaiki faktor-faktor utama terutamanya isu gaji di sektor 3D ini. ##

Pelajar lapar sampai bila?

oleh Kesavan PS, Penyelaras Gabungan Menuntut Pendidikan Percuma (GMPP)

Pembangunan pelajar (insan) bukan hanya mengenai kelas dan buku (akademik) tapi meliputi pembangunan minda dan kesihatan yang baik. Namun, situasi masa sekarang di negara kita dipenuhi dengan kontradiksi.

Isu pelajar lapar hangat diperkatakan selepas media tempatan melaporkan insiden seorang pelajar Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang pengsan akibat tidak makan dua hari. Padahal isu pelajar lapar bukan satu isu yang baru. Kes ini bukan sahaja berlaku kepada pelajar IPT tetapi berlaku juga pada pelajar sekolah menengah yang datang daripada keluarga miskin. Namun, hanya apabila insiden pelajar IPT pengsan berlaku, ramai mula memberi perhatian kepada isu ini.

Ada juga ramai pelajar yang makan makanan murah dan tidak berkhasiat seperti Maggie. Ini adalah untuk mengurangkan perbelanjaan dan supaya wang poket (sara hidup) mereka dapat bertahan sehingga akhir bulan.

Walaupun ada kes pelajar perlu mengikat perut disebabkan mereka

menghantar sedikit wang PTPTN mereka kepada keluarga, isu sebenarnya adalah pelajar tidak dapat menampung kos hidup yang semakin hari semakin tinggi. Kos makanan (sara hidup) bukan sahaja meningkat di kawasan bandar, malah meningkat di luar bandar juga.

Tambahan pula, keadaan menjadi lebih teruk lagi dengan kenaikan yuran pengajian oleh universiti. Ada beberapa IPTA telah menaikkan yuran pengajian. Kalau IPTA pun telah menaikkan yuran pengajian, bagaimana pula dengan situasi di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)?

Gaji para menteri dan ahli parlimen telah naik lebih 50%. Peruntukan Jabatan Perdana Menteri juga semakin tahun semakin meningkat. Tetapi penambahan peruntukan untuk pendidikan seringkali dinafikan. Sebelum ini kerajaan tidak mahu menaikkan peruntukan untuk universiti dan bidang pendidikan (setiap tahun). Malah, dalam Bajet 2016 pula kerajaan telah memotong peruntukan IPTA dan pendidikan. Sudah pasti pihak universiti akan memindahkan beban kos universiti kepada pelajar (iaitu pelajar perlu menanggung kos operasi universiti).

Selain daripada faktor-faktor yang

disebut di atas, faktor seperti kenaikan tambang pengangkutan awam (keretapi dan bas) dan pelaksanaan GST juga secara langsung memberi kesan kepada kesempitan hidup pelajar. Harga alatan dan keperluan pelajaran lain juga telah naik akibat pelaksanaan GST.

Ada beberapa NGO dan gerakan pelajar telah mengambil inisiatif untuk memulakan program makanan percuma kepada segelintir pelajar di beberapa universiti. Langkah ini harus dihargai dan dipuji. Tetapi ini tidak akan menyelesaikan masalah seluruh pelajar. Masalah pelajar kelaparan ini akan berterusan seperti yang berlaku sebelum ini. Malah ada juga pelajar yang terpaksa 'menjual badan' untuk menampung perbelanjaan pendidikan mereka.

Oleh itu, Gerakan Menuntut Pendidikan Percuma (GMPP) telah menggiatkan kempen menuntut kerajaan supaya melaksanakan Pendidikan Percuma. Tugas sesebuah kerajaan bukan hanya menyediakan kelas pendidikan secara percuma, tetapi juga menyediakan keperluan dan kemudahan lain (akses kepada makanan berkhasiat, tempat tinggal, pengangkutan dan sebagainya)

yang diperlukan untuk membolehkan rakyatnya dapat belajar tanpa sebarang halangan. Dengan ini, barulah pelajar dapat fokus dalam pelajaran tanpa memikirkan masalah mereka dan sengsara saban hari (seperti kelaparan). Pelajar juga akan mempunyai hati dan sifat untuk kembali berbakti kepada masyarakat selepas tamat pengajian mereka. Mereka tidak perlu dan tidak patut berkejar mencari duit untuk membayar hutang PTPTN.

Kita perlu ingat bahawa keadaan terpaksa berkejar mencari duit untuk membayar hutang PTPTN berlaku hanya kepada pelajar tetapi berlaku juga kepada ramai rakyat bawahan yang berasal daripada keluarga miskin dan akibat kos sara hidup yang semakin hari semakin meningkat dan menekan.

Isu kelaparan ini hanyalah satu kesan daripada dasar-dasar dan sifat rakus pemerintah dalam sistem kapitalis ini. ##





Turun Najib Turun



Jika sebelum ini Najib diserang dengan imej grafik, rasa tidak puas hati terhadap pentadbirannya diluahkan pula melalui lagu. Kugiran Punk tempatan, Dum Dum Tak, telah menghasilkan satu lagu yang sesuai didendangkan bersama di jalanraya. Dum Dum Tak yang bergiat aktif sejak tahun 2007 pernah beraksi di Himpunan Protes Harga Minyak dan konsert Bersih Rock. Lagu yang berdurasi kurang dari 3 minit ini mudah melodinya dan jelas mesejnya tepat ke muka koruptor. Dapatkan muat turun lagu ini percuma di

<https://www.reverbnation.com/dumdumtak>

Turun Najib turun
Negara dah sakit
Matawang dah meleset
Kami rakyat yang perit

Turun Najib turun
Kau pemimpin penipu
Drama kamu
Kami semua dah tahu

Ini bukan cerita hikayat
Ini tentang pemimpin kami yang
bangsat
Yang pandai tahu menyusahkan
rakyat
Buat kami makin tenat

Kau hebat bila putar cerita
Dari 1MDB hingga ke penipuan
berjuta
Mana duit dari cukai GST
Mana duit itu Jibby?
Jibby, kroni, korupsi... ##



Pantai Warisan Teluk Muroh bakal ditambak

Pantai Warisan Teluk Muroh yang terletak di Daerah Manjung, negeri Perak, ialah kawasan penempatan nelayan yang kaya dengan sumber makanan laut. Ia juga merupakan kawasan yang sesuai untuk pendaratan bot nelayan pantai. Sejak 3 generasi yang lalu, pelbagai aktiviti sosio-ekonomi tempatan telah dijalankan seperti menangkap ikan, mengutip kepah, ketam dan remis. Kawasan pantai yang didiami oleh lebih daripada 150 orang nelayan tempatan itu baru-baru ini dikejutkan dengan notis pengusiran yang diterima pada awal bulan

Mac. Dalam notis daripada Pejabat Tanah dan Daerah Manjung itu menyatakan mereka diberi tempoh 27 hari untuk mengosongkan kawasan itu. Ia bagi memberi laluan kepada projek penambakan laut. Walaupun dinyatakan pada kertas kerja bahawa projek itu bertujuan untuk penempatan semula nelayan, namun pembangunan yang dimaksudkan bakal merosakkan ekosistem dan sumber rezeki nelayan pantai di situ. Malahan pihak nelayan dan penduduk setempat langsung tidak dipanggil bagi membincangkan projek

itu. Penambakan yang akan dijalankan asalnya melibatkan sebahagian sahaja kawasan yang berdekatan. Namun setelah tinjauan dibuat oleh penduduk, didapati skala sebenar penambakan bakal menutup hampir keseluruhan kawasan yang telah sekian lama menjadi tempat nelayan mendaratkan bot-bot mereka.

Kumpulan masyarakat sivil Kuasa dan Sahabat Alam Malaysia sedang membantu penduduk dan nelayan di kawasan tersebut bagi mendapatkan ruang untuk perbincangan bersama pihak yang terlibat

dengan projek penambakan ini. Penduduk dan nelayan menegaskan mereka tidak menghalang pembangunan, namun ekosistem dan sumber rezeki nelayan harus diambil kira bersama. Jika kalian inginkan maklumat terperinci mengenai isu ini, boleh mendapatkannya dari laman Facebook "Selamatkan Pantai Warisan Teluk Muroh".

Selamatkan Pantai Warisan Teluk Muroh!
Selamatkan sumber rezeki nelayan kita!
Selamatkan ekosistem alam kita! ##



Sambil lalu, ambil tahu


Komun Paris ialah suatu kerajaan yang revolusioner yang ditubuhkan setelah berakhirnya Perang Perancis-Prussia (1871). Ia merupakan contoh yang awal kaum pekerja merampas kuasa dari kerajaan. Di bawah pentadbiran kaum pekerja, pilihanraya majlis kerajaan tempatan telah dijalankan, yang mana ahli-ahli majlis yang dipilih mempunyai kedudukan yang setaraf dengan ahli komun yang lain. Tempat-tempat kerja telah ditukarkan menjadi koperasi yang diambil alih oleh pekerja sendiri.




Program Kursus Kilat Marxisme yang dijadualkan pada 20 Mac yang lalu telah dilarang oleh pihak polis!

Kesalahan apakah jika kita bincangkan teori-teori ekonomi dan kemasyarakatan?

Ini dilarang...



Boleh kita buat ini?



**KURSUS
KAPITALISME
PETIR**

AKAN DATANG

Diperakui oleh
Donald Trump & co.
Korporat besar sedunia
Bank-bank yang wujudkan krisis ekonomi
Tauke-tauke yang memeras pekerja



Pemerasan atau eksploitasi berlaku apabila pekerja dipaksa untuk bekerja, bukan lagi untuk perkembangan diri sendiri, tetapi untuk menghasilkan surplus yang diambil oleh kapitalis.

Aktiviti “beli untuk jual” boleh diungkapkan dalam formula: **M-C-M'**, di mana **M' > M**. Maka perbezaan nilai M' dengan M, adalah nilai surplus untuk barangan pertukaran (komoditi) tersebut:
M' - M = s
di mana s = nilai surplus

Selain dipamerkan dalam aktiviti pertukaran komoditi, nilai surplus juga merupakan nilai yang dicipta dalam proses pengeluaran (dalam Mod Pengeluaran Kapitalis).

Secara ringkasnya, nilai sesuatu komoditi yang dihasilkan dalam proses pengeluaran boleh diungkapkan seperti berikut:

W = c + v + s

di mana W = nilai komoditi, c = modal tetap (*constant capital*), v = modal bolehubah (*variable capital*), s = nilai surplus

Modal tetap termasuklah wang yang dilaburkan / digunakan untuk mendapatkan:

- Aset tetap, seperti kilang, mesin, tanah dan bangunan;
- Bahan mentah;
- Perbelanjaan sampingan seperti simpanan kira, latihan, pembersihan, pengiklanan, insurans, perkhidmatan keselamatan, cukai, levi, rasuah dan sebagainya.

Semua di atas diperlukan sebagai “cara-cara pengeluaran” dalam proses pengeluaran.

Nilai modal tetap tidak akan bertambah kerana pengeluaran, tetapi hanya mengekalkan nilainya kerana pengeluaran.

Modal bolehubah pula merupakan modal wang yang dilaburkan untuk membeli buruh pekerja, iaitu bersamaan dengan pendapatan / gaji yang diterima oleh pekerja. Modal bolehubah itu bolehubah kerana hanya bahagian modal ini yang dapat menghasilkan nilai surplus, membolehkan modal itu bertambah nilai.

Nilai baru dalam sesuatu komoditi yang dihasilkan dalam sesuatu proses pengeluaran **dicipta oleh tenaga buruh** (iaitu pekerja yang hidup).

Dalam semua pengeluaran kapitalis, nilai komoditi yang dihasilkan boleh diwakili dengan formula (c + v + s). Nilai komoditi ini terdiri daripada dua bahagian:

- Nilai yang dibekukan atau

Pemerasan

- dikekalkan, iaitu c;
- Nilai yang baru dicipta, iaitu v + s.

Tenaga buruh mempunyai dwifungsi:

- Mengekalkan nilai yang sedia ada dalam alat, mesin, tanah, kilang dan sebagainya, dan memindahkan sebahagian daripada nilai ini ke dalam proses pengeluaran (c).

- Mencipta nilai baru, yang terdiri daripada dua bahagian, yang pertama adalah nilai surplus, iaitu keuntungan yang diperoleh apabila barangan itu dijual (s), dan satu lagi bahagian adalah nilai yang bersamaan dengan gaji pekerja (v).

Kadar keuntungan = (nilai surplus) / (jumlah pelaburan modal)
r = s / (c + v)
di mana r = kadar keuntungan, s = nilai surplus, c = modal tetap, v = modal bolehubah


Misalnya, jika seorang pemodal melaburkan sebanyak RM 80 sebagai modal tetap (kos untuk membeli mesin, bahan mentah, sewa bangunan dan sebagainya) dan RM 20 untuk gaji pekerja untuk menghasilkan satu unit barangan, jumlah modal yang dilaburkan untuk menghasilkan unit barangan itu adalah RM 100. Kemudiannya, pemodal itu menjual barang itu dengan harga RM 150. Maka, keuntungannya (nilai surplus) adalah RM 50. Oleh itu, kadar keuntungannya adalah RM 50 dibahagi dengan RM 100, bersamaan dengan ½.

Kadar nilai surplus = s/v
s = nilai surplus, v = modal bolehubah

Jika kita ambil contoh di atas, di mana nilai surplusnya adalah RM 50 dan gaji pekerja adalah RM 20 untuk menghasilkan satu unit barangan, maka kadar surplusnya adalah RM 50 dibahagi dengan RM 20, bersamaan dengan 2.5.

Kadar nilai surplus juga merupakan **kadar eksploitasi**, iaitu tahap eksploitasi ke atas pekerja. Semakin tinggi nilai output (nilai barangan yang dihasilkan) berbanding dengan nilai input (kombinasi modal tetap dan modal bolehubah), bermaknanya semakin hebatnya eksploitasi atau pemerasan ke atas tenaga kerja (yang hidup).

Kita perlu faham bahawa nilai baru yang dicipta dalam sesuatu proses pengeluaran itu adalah bergantung pada buruh, bukannya modal. Nilai baru yang dicipta dalam pengeluaran komoditi, iaitu nilai surplus (keuntungan) dan modal bolehubah (gaji pekerja), adalah hasil usaha buruh. Dalam erti kata lain, **tanpa tenaga kerja, tiadanya nilai baru yang dicipta**.



Tanpa pekerja untuk bekerja, bermakna tiada keuntungan untuk kapitalis. Tanpa pekerja untuk bekerja, pekerja itu tidak dapat mencipta nilai baru yang akan dibayar kepadanya dalam bentuk gaji.

Operasi asas sistem kapitalis adalah pengeluaran nilai surplus. Namun, nilai surplus itu akan terperangkap dalam barangan itu dengan hanya pengeluaran produk tanpa menjualkannya. Barangan yang tidak dijual tidak akan dapat memperoleh nilai surplus yang dihasilkan. Jika barangan tidak dijual, maka tiada nilai surplus yang boleh dijadikan modal untuk membeli mesin baru, dan produktiviti tidak akan ditingkatkan. Untuk membeli mesin baru dan meningkatkan produktiviti, kapitalis perlu menjualkan produk yang dihasilkan itu terlebih dahulu. Pendapatan yang diperolehi daripada jualan itu, sebahagiannya boleh digunakan untuk membeli mesin baru, untuk menambahkan modal tetap. Dengan pertambahan modal tetap, iaitu dengan mesin baru, produktiviti dapat dipertingkatkan dan menjana lebih keuntungan kepada kapitalis.

Merealisasikan nilai surplus (iaitu melalui penjualan produk penghasilan buruh) adalah syarat keperluan untuk pengumpulan modal. Realisasi nilai surplus, bermaksud bahawa nilai surplus yang dihasilkan oleh pekerja itu hanya dapat dikatakan wujud apabila barangan yang dihasilkan oleh pekerja itu dijual kepada pembeli yang membayar secukupnya.

Pengumpulan modal adalah permodalan (kapitalisasi) nilai surplus, iaitu **proses menukarkan nilai surplus kepada modal**.

Apabila sesuatu barangan hasil pengeluaran dijual, kapitalis memperoleh sejumlah wang di mana nilainya terdiri daripada 3 bahagian, iaitu c (modal tetap), v (nilai baru yang dicipta oleh pekerja dan dibayar kepada pekerja dalam bentuk gaji), dan s (nilai surplus, iaitu nilai baru yang dicipta oleh pekerja tetapi dimiliki sepenuhnya oleh kapitalis).

Nilai surplus yang dihasilkan itu, sebahagiannya digunakan oleh kapitalis itu secara bukan pengeluaran (iaitu untuk kegunaan

sendiri). Ini kerana kapitalis pun seorang manusia, dia perlu menyara hidup dirinya sendiri dan keluarganya serta orang suruhannya, maka semua wang yang dihabiskan untuk tujuan sebegini adalah berpisah daripada pengeluaran. Sebahagian lagi nilai surplus pula dikumpulkan. Bahagian nilai surplus ini akan digunakan sebagai modal. Bahagian nilai surplus yang ditukar kepada modal itu, boleh sama ada menjadi modal tetap (untuk membeli lebih bahan mentah atau membeli mesin baru atau menaiktarafkan kilangnya), atau menjadi modal bolehubah (untuk mengupah lebih pekerja).

Oleh yang demikian, pandangan bahawa “kapitalis mencipta peluang pekerjaan” adalah tidak benar sama sekali. Untuk kapitalis itu mengupah pekerja baru, membeli mesin baru dan membeli bahan mentah yang lebih, perlu adanya nilai surplus yang dicipta oleh pekerja, yang boleh kemudiannya dijadikan modal oleh kapitalis. Pada hakikatnya, segala kekayaan kebendaan di dunia ini, iaitu semua kilang, mesin, jalanraya, landasan keretapi, pelabuhan, lapangan terbang dan sebagainya, adalah ciptaan pekerja dengan tenaga buruh mereka. Namun, semua ciptaan hasil titik peluh pekerja ini ditukar kepada buruh tanpa bayaran, menjadi harta milik kapitalis dan modal kepunyaan kapitalis. Inilah buktinya bahawa kelas pekerja sentiasa diperas sejak wujudnya sistem kapitalis.

Dalam sistem kapitalis, golongan kapitalis sentiasa memerlukan tenaga buruh (iaitu pekerja yang menerima gaji) yang patuh pada perintah kapitalis. Kekayaan yang dicipta oleh pekerja, sebahagiannya dijadikan gaji yang dibayar kepadanya untuk menyara hidup, dan sebahagian lagi dijadikan keuntungan yang membolehkan kapitalis itu terus kaya.

Demi memaksimumkan keuntungan, golongan kapitalis sentiasa berusaha untuk **meningkatkan kadar pemerasan**.

Cara untuk meningkatkan pemerasan termasuklah:

- Kurangkan gaji pekerja.
- Ppanjangkan masa kerja (kerja lebih masa, kerja hari cuti dan sebagainya).
- Memerah lebih kuantiti buruh pekerja (melalui cara “mempercepatkan kadar buruh”, seperti mempercepatkan kadar perjalanan mesin supaya pekerja boleh menghasilkan lebih barangan dalam satu tempoh masa)
- Menggunakan teknologi baru yang membolehkan lebih barangan dikeluarkan dengan kuantiti buruh yang sama dengan sebelum ini, iaitu apa yang dipanggil “meningkatkan produktiviti”! ##

Hentikan flip-flop dalam isu pengupahan pekerja migran Gubal dasar komprehensif sekarang

oleh Rani Rasiah

Sejak awal tahun ini, keputusan kerajaan berkaitan pengambilan pekerja migran berubah hampir setiap hari. Pada 18 Februari yang lalu, kerajaan Malaysia telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) dengan kerajaan Bangladesh untuk mengambil seramai 1.5 juta orang pekerja dari negara itu; tetapi pada hari keesokannya, pengambilan pekerja Bangladesh dan pekerja migran lain dibekukan. Pada 12 Mac, Kabinet membuat keputusan untuk melarang sebarang pengambilan baru pekerja migran, dan menasihatkan supaya pekerja migran tanpa dokumen dibenarkan untuk mendaftar secara sah dan diambil kerja sekiranya ada permintaan daripada pihak majikan. Pada hari-hari yang berikutnya, beberapa badan perniagaan menyuarakan kerisauan mereka bahawa larangan ini akan menjejaskan perniagaan mereka. Zahid Hamidi, selaku Menteri Dalam Negeri, telah merungut bahawa pendaftaran pekerja migran tanpa dokumen sangat perlahan, dan selepas itu Ketua Pengarah Jabatan Imigresen telah memberi amaran bahawa pekerja migran yang telah memasuki Malaysia secara tidak sah tidak akan didaftar dan sebaliknya akan dikenakan tindakan undang-undang. Kelihatannya keputusan kabinet ini akan bertukar lagi.

Isu pengambilan 1.5 juta pekerja Bangladesh menunjukkan dengan jelas kesannya keputusan-keputusan yang tidak berasaskan satu dasar komprehensif berkaitan dengan perkara pengambilan dan pengurusan pekerja migran. Ini menunjukkan dengan jelas bahawa keputusan seperti itu akan mengakibatkan banyak "flip-flop" yang hanya merugikan negara.

Isu 1.5 juta pekerja Bangladesh

Keputusan mengambil 1.5 juta orang pekerja Bangladesh dibuat tanpa mengambilkira faktor berikut:

i. Pandangan pihak-pihak yang

berkepentingan seperti Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) yang tidak menyokong rancangan kerajaan.

ii. Kehadiran 4 juta orang pekerja migran tanpa dokumen dan 100,000 orang warga perlarian.

iii. Kepentingan pekerja tempatan.

iv. Percanggahan dengan syor dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK-11) untuk mengurangkan peratusan pekerja migran dari 30% ke 15% dalam tempoh masa 5 tahun.

Pihak Kementerian Dalam Negeri telah terus menandatangani MOU dan kemudian membuat U-turn secara dramatik. Komen-komen Menteri Dalam Negeri selepas membekukan pengambilan pekerja dan juga selepas keputusan kabinet, antaranya adalah, mencabar pekerja Malaysia untuk mengisi kekosongan di sektor 3D, dan menasihatkan majikan yang menghadapi kekurangan pekerja untuk memohon kepada MEF, Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia (FMM) dan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC). Ini menggambarkan bahawa keputusan-keputusan terburu-buru ini dibuat tanpa asas yang kukuh, lebih sebagai reaksi kepada pihak-pihak yang tidak setuju dengan cadangan kerajaan.

Tambahan pula, keputusan larangan itu tidak diikuti dengan langkah-langkah penting seperti kewujudan sistem yang berkesan dengan kos yang sederhana bagi mendaftar pekerja migran tanpa dokumen. Ini penting untuk menggalakkan dan menyakinkan pekerja tanpa dokumen. Selain itu, cabaran kepada pekerja tempatan tidak diikuti dengan langkah-langkah untuk menarik mereka ke kerja-kerja 3D.

Mengapa negara kita perlukan satu dasar komprehensif?

Apa yang jelas adalah kita perlukan satu dasar yang komprehensif mengenai pengupahan pekerja migran bagi mengelakkan keputusan-keputusan bersifat ad hoc yang tidak

konsisten dan tidak menguntungkan negara. Antara masalah-masalah serius yang timbul akibat tiada dasar nasional berkenaan adalah:

Peluang pekerjaan dan sekuriti kerja pekerja tempatan terjejas

Peranan pekerja migran seharusnya adalah sebagai pelengkap untuk pekerja tempatan, tetapi secara amalan yang sebenarnya, banyak majikan menggantikan pekerja tempatan dengan pekerja migran. Menurut Unit Perancangan Ekonomi (EPU), peratusan pekerja migran yang besar sekali bekerja di sektor pembuatan (36.1%) yang bukan merupakan sektor 3D. Jika ditambah dengan peratusan pekerja di sektor perkhidmatan (13.0%), jumlah pekerja migran dalam sektor bukan 3D berjumlah hampir 50%. Majikan lebih suka pekerja migran sebab kos lebih murah - tidak perlu mencarum KWSP, dan elaun-elaun dapat dimasukkan dalam pengiraan gaji minimum. Maka, permintaan untuk pekerja migran semakin meningkat sehingga ke tahap di mana peluang pekerjaan dan sekuriti kerja pekerja tempatan terjejas, dan pekerja tempatan terpaksa bersaing dengan pekerja migran untuk mendapatkan kerja.

Kuasa rundingan pekerja tempatan terjejas

Kehadiran pekerja migran secara besar-besaran melemahkan kuasa rundingan pekerja tempatan. Keadaan ini mengekalkan gaji rendah dan sekaligus memiskinkan lagi pekerja tempatan, di mana ini bercanggah dengan hasrat RMK-11 untuk membasmi kemiskinan di kalangan golongan B40 (40% keluarga yang berpendapatan terendah). Kerajaan harus menerima kebenaran bahawa tuntutan gaji yang lebih tinggi, dan harapan pekerja tempatan untuk hidup lebih selesa adalah permintaan yang sah.

Kewujudan 60% pekerja migran tanpa dokumen



Haruslah diterima bahawa kebanyakan pekerja asing tanpa izin (PATI) memasuki negara kita dengan cara yang sah, dengan pasport dan pas lawatan kerja sementara (PLKS), tetapi menjadi tidak sah selepas itu. Satu sebab utama adalah penafian hak untuk pembelaan yang menjadikan pekerja migran senang diberhentikan kerja oleh majikan yang tidak suka pekerja yang mempersoalkan masalah di tempat kerja. Pekerja migran yang dibuang oleh majikan serta-merta menjadi pekerja tanpa dokumen, yang tidak dapat membela diri.

Selain itu, haruslah diterima bahawa penglibatan orang tengah, terutamanya syarikat 'outsourcing' menyumbang secara besar kepada masalah ini bersama dengan penglibatan pegawai-pegawai imigresen.

Pengambilan pekerja migran menjadi industri yang berkeuntungan lumayan

Apa yang pada mulanya bertujuan untuk memenuhi kekurangan pekerja, kini sudah berevolusi menjadi satu perniagaan yang berkeuntungan lumayan untuk orang tengah seperti ejen pekerjaan, syarikat outsourcing dan kroni kepada ahli politik. Akibatnya adalah keputusan-keputusan tentang pengambilan pekerja migran lebih didorong oleh kepentingan diri berbanding keperluan industri. Yang untung adalah orang tengah, dan yang rugi pula adalah pekerja tempatan dan migran.

Cadangan untuk Dasar Pekerja Migran yang komprehensif

Satu dasar yang komprehensif di peringkat nasional harus digubal untuk memandu keputusan-keputusan berkaitan dengan pekerja migran di negara kita. Dasar ini harus berasaskan prinsip-prinsip keperluan negara, kepentingan pekerja tempatan dan keadilan kepada pekerja migran.

Perkara-perkara berikut harus dijadikan sebahagian daripada dasar tersebut:

1. Bayaran levi harus ditanggung oleh majikan.
2. Hak untuk pembelaan harus dijamin.
3. Semua perbezaan dalam gaji dan insentif kewangan antara pekerja tempatan dan migran harus dihapuskan.
4. Sistem yang berkesan harus diwujudkan untuk mendaftar pekerja migran tanpa dokumen.

5. Kutipan levi harus digunakan untuk menanggung kos rawatan pekerja migran di hospital kerajaan.

6. Mekanisme yang berkesan harus diwujudkan untuk menyerapkan warga pelarian ke dalam tenaga kerja yang sah.

7. Majikan harus dikenakan hukuman penjara sekiranya mengupah pekerja migran tanpa dokumen.

8. Keperluan asas seperti perumahan bagi pekerja migran harus memenuhi standard minimum.

9. Peluang persekolahan harus disediakan untuk anak-anak pekerja migran.

10. Pengambilan pekerja migran harus berasaskan kerajaan dengan kerajaan (G-G), dan pengurusannya tidak harus diswastakan.

Sudut Komik Dilarang belajar teori?

